



Alliance One Invest

BORANG PERMOHONAN AKAUN DAGANGAN SAHAM/KEMUDAHAN MARGIN

NOTA PENTING:

1. Sila lengkapkan semua maklumat yang diperlukan dalam tulisan yang boleh dibaca dan lampirkan butiran jika ruang yang disediakan tidak mencukupi. Mana-mana perkara yang tidak berkenaan mestilah dipalangkan dan dinyatakan sebagai N/A.
2. Sebarang pindaan yang dibuat mestilah jelas dan boleh dibaca dan juga ditandatangani oleh Pemohon.
3. Borang yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca atau rosak boleh mengakibatkan permohonan ditolak.
4. Sila baca terma dan syarat sebelum melengkapkan borang.

A. BUTIRAN PERMOHONAN AKAUN DAGANGAN SAHAM/KEMUDAHAN MARGIN

Jenis Akaun CDS

 Langsung Penamaan**Jenis Akaun Dagangan Saham****Dagangan Saham** Dagangan Bercagar Dagangan Fleksi 7 / Pembiayaan "Discretionary" Dagangan Pendahuluan Tunai Lain-lain (Sila jelaskan):
_____Margin - (Had Kredit Dipohon: RM) Margin Margin + Dagangan Lain-lain (Sila jelaskan):

B. BERITAHU KAMI TENTANG DIRI ANDA

 Encik Cik Puan Lain-lain (Sila jelaskan): _____

Nama>Nama Syarikat (Seperti terkandung dalam dokumen berdaftar)

No. K.P. (Baru) /
No. SyarikatNo. ID Alternatif
(K.P. Lama/Polis/Tentera
Pasport)Tarikh Lahir /
Tarikh Pendaftaran

(hh-bb-tttt)

Jantina

 Lelaki Perempuan

Status Penduduk

 Pemastautin Bukan PemastautinTaraf
Perkahwinan Bujang Berkahwin Lain-Lain _____Kewarganegaraan /
Tempat Penubuhan

Bangsa

 Bumiputra Cina India Lain-lain (Sila jelaskan): _____Ijazah/Kelayakan
Professional Ya Tidak Lain-lain (Sila jelaskan): _____

Nama Ibu Sebelum Berkahwin

Alamat Rumah/Berdaftar (Seperti terkandung dalam K.P.)

Poskod

Bandar

Negeri

Negara

Permulaan

Alamat Lain Seperti alamat rumah/ berdaftar

Poskod Bandar Negeri

Negara

Alamat E-mel

No. Hubungan Pilihan No. Tel. Bimbit Rumah
 Pejabat Faks

C. BUTIRAN KERJAYA/PERNIAGAAN

Jenis Pekerjaan

- Bergaji
 Bekerja Sendiri
 Penerima Komisyen
 Tidak Bekerja (Pelajar Suri Rumah
 Lain-lain (Sila jelaskan): _____)
 Bersara (Untuk Pesara, sila nyatakan pekerjaan terakhir sebelum bersara): _____

Untuk kegunaan Bank Sahaja

Kod Pekerjaan

(i) HOST _____

(ii) CCRIS _____

Sektor Pekerjaan

Jenis Pekerjaan

Kod Sektor Industri

Kod AML SIC

Pekerjaan

Nama Majikan

Tempoh Bersama Syarikat

 (TT) (BB)

Alamat Majikan

Poskod Bandar Negeri

Negara

Jenis Perniagaan Pendapatan bulanan (RM)

D. BUTIR-BUTIR PASANGAN PEMOHON (JIKA BERKHAWIN)/ KELUARGA TERDEKAT (JIKA TIDAK BERKHAWIN)

Nama (Seperti terkandung dalam dokumen berdaftar)

Perhubungan dengan Pemohon Pasangan Anak
 Lain-lain (Sila jelaskan): _____

No. Tel. Bimbit

E. PENILAIAN PELABURAN MENGENAI OBJEKTIF, PENGALAMAN & ANGGARAN NILAI BERSIH

1 Objektif Pelaburan Jangka panjang (> 3 tahun) Jangka sederhana (1 - 3 tahun) Jangka pendek (< 1 tahun)

2 Pelaburan apakah yang ingin anda sertai & apakah pengalaman pelaburan anda?

- Saham (Tempatan) _____ Tahun Unit Amanah _____ Tahun
 Saham (Asing) _____ Tahun Hartanah _____ Tahun
 Simpanan/Deposit Tetap _____ Tahun Lain-lain _____ Tahun
 Pelaburan Berstruktur _____ Tahun
 Bancassurance _____ Tahun

Sekiranya jawapan anda turut merangkumi saham, sila teruskan ke soalan 3. Sebaliknya, sila teruskan ke soalan 5.

3 Berapakah akaun perdagangan yang anda miliki?

- Tiada Satu (1) sahaja
 > Satu (1), sila nyatakan bilangan akaun:

4 Adakah anda mempunyai sebarang akaun Pembiayaan Margin Saham (SMF) dengan Bank/Bank Pelaburan/Broker lain?

Ya Tidak

5 Jangkaan sumber dan asal dana yang akan digunakan (dagangan)

Gaji Perniagaan Simpanan Keluarga Harta pusaka Lain-lain (Sila jelaskan): _____

6 Anggaran Nilai Bersih

RM50,000 dan ke bawah RM100,001 – RM500,000 RM1,000,001 – RM3,000,000
 RM50,001 – RM100,000 RM500,001 – RM1,000,000 Lebih daripada RM3,000,000

7 Kami menyediakan perkhidmatan dan panduan profesional untuk membina kekayaan melalui pelaburan saham. Perkhidmatan Akaun Perdagangan yang diperlukan/harapan anda: - (Sila tandakan lebih daripada 1 pilihan sekiranya berkenaan)

	<input type="radio"/> CDS Langsung	<input type="radio"/> CDS Penama
Nama Akaun	Di bawah nama pemegang saham (contohnya Lim Leong)	Di bawah penama (contohnya Alliance Group Penama Tempatan bagi Lim Leong)
Permohonan IPO	Layak	Tidak layak
Kertas kerja korporat	Dikendalikan sendiri oleh pemegang saham	Dikendalikan Oleh broker/ kakitangan bank (menurut arahan dengan bayaran dikenakan)
Dividen	Dikreditkan kepada akaun bank pemegang saham	Dikreditkan kepada akaun amanah dengan broker atau akaun perbankan dengan jurubank
Menghadiri AGM	Layak	Layak tetapi memerlukan Penama untuk membuat lantikan
Laporan Tahunan	Diposkan terus kepada pemegang saham	Perlu meminta daripada Penama
Pemindahan Saham	Dikendalikan sendiri oleh pemegang saham. Pemindahan saham ke akaun sendiri atau relatif	Dikendalikan oleh broker/ kakitangan bank (menurut arahan dengan bayaran dikenakan). Saham hanya boleh dipindahkan ke akaun sendiri.

Ingin menikmati tempoh penyelesaian yang dilanjutkan dari T+2 hingga T+7 pada fi pick up sebanyak 0.3%?

Ya Tidak Tidak berminat dengan mana-mana yang di atas (tidak perlu menjawab soalan seterusnya)

8 Apakah kategori saham yang menarik minat anda?

- Cip Biru **Untuk pelaburan jangka panjang yang stabil**, anda ingin menambah kekayaan anda menerusi pulangan yang stabil untuk mencapai matlamat jangka panjang anda.
- Saham Dividen **Untuk pendapatan yang tetap**, anda ingin mendapatkan pendapatan tahunan yang tetap supaya anda dapat menyaingi kadar inflasi.
- Saham Pertumbuhan **Untuk tambah nilai modal**, anda sanggup mengambil risiko yang lebih tinggi bagi mendapatkan pulangan yang lebih tinggi.

F. DATA KEWANGAN (PERMOHONAN KORPORAT SAHAJA)

Premis Perniagaan Sendiri Sewa **Jenis Perniagaan**

Modal Saham Dibenarkan (RM) **Modal Saham Diterbitkan & Berbayar (RM)**

Jumlah Tanggungan (RM) setakat - - - -

Aset Ketara Bersih (RM) setakat - - - -

G. PERHUBUNGAN AKAUN DENGAN KUMPULAN ALLIANCE BANK

Adakah anda sudah mempunyai akaun dengan Alliance Investment Bank Berhad atau subsidiari Kumpulan Alliance Bank? Ya Tidak

Nama	Nombor Akaun

Adakah anda sudah mempunyai akaun dengan Alliance Investment Bank Berhad atau subsidiari Kumpulan Alliance Bank? Sekiranya ya, sila berikan butiran berikut: Yes No

Nama	Nombor Akaun

Permulaan

Pihak Berkepentingan

Adakah anda mempunyai kaitan dengan mana-mana pekerja/pengarah/ perwakilan perdagangan Alliance Bank, atau adakah terdapat mana-mana pekerja/pengarah/perwakilan perdagangan *Alliance Bank yang memegang 5% atau lebih saham dalam syarikat anda? Ya Tidak

Nama	Nombor NRIC	Perhubungan

Adakah anda mempunyai perhubungan dengan perseorangan/ syarikat berkaitan yang mengekalkan akaun dengan *Alliance Bank? (Perseorangan yang perhubungan termasuk pasangan, rakan kongsi, rakan kongsi pasangan, syarikat di bawah kendali dan/atau kawalan pasangan. Korporat dianggap berkaitan di mana sebuah syarikat adalah syarikat induk atau anak syarikat perbadanan lain atau anak syarikat induk perbadanan lain). Ya Tidak

Nama	Nombor NRIC	Perhubungan

*"Alliance Bank" di sini merujuk kepada Alliance Bank Malaysia Berhad dan subsidiari-subsidiari milik penuhnya, iaitu Alliance Investment Bank Berhad dan Alliance Islamic Bank Berhad.

H. BORANG CAJ & PILIHAN PEGHANTARAN NOTA KONTRAK

Saya dengan ini memperakui caj dan fi berikut: -

Dokumen/Aktiviti

Penyeteman/Fi Lain (RM)

<input type="radio"/> Surat Tawaran Asal/Surat Tawaran Tambahan	_____
<input type="radio"/> Perjanjian Kemudahan	_____
<input type="radio"/> Memorandum Caj	_____
<input type="radio"/> Fi Pembukaan Akaun CDS	_____
<input type="radio"/> Fi Pentadbiran, Pengaktifan dan Lain-lain	_____
<input type="radio"/> Lain-lain	_____
JUMLAH :	=====

() Saya/Kami lampirkan cek _____ (Bank) sebanyak RM _____ (No. Cek _____)

() Sila debit akaun SMF/CASA saya/kami _____ sebanyak RM _____ sebagai bayaran untuk perkara di atas.

Kecuali dinyatakan sebaliknya di sini, caj Bank tidak termasuk sebarang cukai semasa dan cukai yang mungkin dikenakan pada masa akan datang (termasuklah Cukai Jualan & Perkhidmatan ("SST")), di bawah undang-undang yang berkaitan. Pada tarikh pelaksanaan sebarang cukai tersebut pada masa akan datang dan di mana yang berkenaan, Bank berhak menuntut cukai tersebut dari saya/kami.

Semua nota kontrak disediakan melalui platform perdagangan dalam talian. Sekiranya anda memerlukan salinan fizikal nota kontrak, sila tandakan "✓" pada berikut:

Saya menghendaki salinan fizikal nota kontrak dihantar ke alamat saya.

I. KENYATAAN PEDEDAHAN RISIKO WARAN BERSTRUKTUR

- Penyata ini disediakan untuk anda mengikut arahan Peraturan Bursa Malaysia Securities ("Peraturan Bursa Securities").
- Tujuan penyata ini ialah untuk memaklumkan anda (Pemohon) bahawa risiko kerugian dalam pembelian waran berstruktur boleh menjadi agak besar. Justeru anda seharusnya menilai jika pembelian waran berstruktur sesuai bagi anda berasaskan kedudukan kewangan anda. Semasa membuat keputusan untuk membeli waran berstruktur, anda hendaklah maklum tentang perkara berikut:
 - Pembeli waran berstruktur menghadapi risiko kerugian penuh harga belian asal waran berstruktur dan semua kos urus niaga;
 - Untuk merealisasikan sebarang nilai daripada waran berstruktur, waran berstruktur perlu dijual atau dilaksanakan pada atau sebelum tarikh luput;
 - Di dalam keadaan tertentu, waran mungkin sukar dijual;
 - Apabila waran berstruktur dilaksanakan, pengeluar mungkin menunaikan tanggungjawabnya menerusi penyerahan sebenar asset asas, secara tunai atau kombinasi keduanya bergantung kepada syarat pengeluaran waran berstruktur;
 - Langkah meletakkan pesanan bersyarat, seperti "hentikan kerugian" atau "hentikan had" tidak semestinya menghadkan kerugian anda kepada jumlah yang dikehendaki. Keadaan pasaran mungkin menyebabkan pesanan sedemikian gagal dilaksanakan; dan
 - Tahap penganda yang tinggi yang diperolehi daripada waran berstruktur kerana bayaran tunai/pelaburan awal yang kecil boleh membawa manfaat atau sebaliknya kepada anda. Penggunaan penganda boleh menghasilkan kerugian yang besar dan juga keuntungan.
- Penyata ringkas ini tidak boleh mendedahkan semua risiko dan aspek lain pembelian waran berstruktur. Justeru anda harus mengkaji termaterna dan syarat-syarat mana-mana waran berstruktur dengan teliti sebelum membuat keputusan untuk membeli. Jika anda ragu-ragu tentang sebarang aspek penyata ini atau terma waran berstruktur, anda harus berunding dengan broker anda.

Permulaan

J. AKUAN PEMOHON

- 1 Saya/Kami megesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan di atas adalah benar and tepat. Saya/Kami tidak meyembunyikan sebarang fakta atau maklumat penting dan membenarkan Alliance Bank Malaysia Berhad 198201008390 (88103-w)/Alliance Investment Bank Berhad 197401004393 (21605-D) (selepas ini dirujuk sebagai "Bank") untuk menentusahkan maklumat daripada apa jua sumber yang dianggap wajar oleh Bank.
- 2 Saya/Kami dengan ini bersetuju dan membenarkan Bank untuk menentusahkan dengan dan/atau mendedahkan kepada mana-mana pihak yang dianggap wajar oleh bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada Unit Kredit Pusat Bank Negara Malaysia (BNM), Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat BNM dan/atau mana-mana pihak dan badan berkuasa yang ditubuhkan BNM, sebarang maklumat yang berkenaan atau berkaitan dengan saya/kami sama ada kewangan atau sebaliknya untuk sebarang tujuan yang dianggap wajar oleh Bank.
- 3 Saya/Kami dengan ini mengaku dan bersetuju bahawa sebarang data/maklumat (termasuk data peribadi) berkaitan dengan atau berbangkit daripada atau berhubung dengan permohonan saya/kami di bawah ini dan juga maklumat berkenaan urusan saya/kami sama ada di bawah ini atau sebaliknya dalam permohonan ini boleh dipegang, digunakan dan didedahkan oleh Bank untuk tujuan memproses permohonan ini.
- 4 Saya/Kami tanpa menarik balik membenarkan Bank untuk memberikan sebarang maklumat berkaitan saya/kami, permohonan ini, akaun dan kemudahan saya/kami yang sedia ada dan yang akan datang, produk dan/atau perkhidmatan daripada/dengan Bank, kepada manamana institusi kewangan yang memberi atau berhasrat untuk memberi sebarang kemudahan kredit kepada saya/kami, mana-mana biro kredit, mana-mana pihak berkuasa, badan, individu atau agensi yang berkaitan yang dibenarkan oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut atau yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), mana-mana institusi atau pertubuhan kewangan lain untuk memudahkan pelaksanaan arahan yang diberikan oleh saya/kami berhubung dengan kemudahan kredit, akaun, produk dan/atau perkhidmatan daripada/dengan Bank, pihak sekuriti (termasuk penjamin), dan juruaudit, peguam dan/atau agen Bank.
- 5 Saya/Kami mengakui bahawa satu salinan Lembaran Pendedahan Produk (PDS), (jika terpakai) telah disediakan untuk saya/kami. Saya/Kami bersetuju bahawa Bank mengikut budi bicara menolak permohonan ini atau mengurangkan jumlah kredit (iaitu menawarkan saya/kami jumlah pinjaman/kemudahan yang lebih rendah daripada yang dipohon) tanpa kebenaran saya/kami atau memberi sebarang alasan. Saya/Kami memahami dan mengakui bahawa jumlah sebenar pembiayaan, tempoh dan kadar faedah yang disediakan oleh Bank adalah bergantung kepada penilaian kredit dan tertakluk kepada budibicara Bank dan penghantaran Lebaran Pendedahan Produk kepada saya/kami tidak membuat apa-apa kewajipan ke atas Bank untuk memberi saya/kami apa-apa kemudahan. Bank memelihara hak untuk tidak mendedahkan atau memberikan sebarang alasan jika permohonan tidak berjaya.
- 6 Saya/Kami mengakui dan bersetuju bahawa Bank boleh menyimpan, demi kebaikan Bank dan tanpa sebarang obligasi untuk menjelaskan kepada saya/kami, sebarang faedah yang diterima oleh Bank dari wang saya/kami yang disimpan dalam akaun amanah ("Wang Klien") yang diuruskan oleh Bank mengikut Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Tertakluk kepada yang tersebut di atas, Bank boleh, dari semasa ke semasa, membayar faedah tersebut sebagaimana yang ditetapkan kepada saya/kami berhubung dengan Wang Klien tersebut setelah mengambil kira sebarang cukai pegangan dan sebarang perbelanjaan pentadbiran yang ditanggung oleh Bank untuk menyenggarakan akaun amanah dan saya/kami bersetuju dan memperakui bahawa sebarang faedah yang dibayar oleh Bank kepada saya/kami mungkin kurang daripada jumlah yang diterima oleh Bank.
- 7 Saya/Kami mengesahkan bahawa tiada sesiapa daripada pihak-pihak seperti yang dinyatakan dari (a) hingga (f) merupakan kakitangan Bank dan anak syarikatnya atau mempunyai hubungan persaudaraan/keluarga dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank atau anak syarikatnya : a) suami/isteri saya/kami; b) ibu bapa saya/kami; c) anak-anak saya/kami; d) adik-beradik saya/kami dan /atau suami/isteri mereka masing-masing; e) tanggungan kewangan mana-mana pihak yang tersebut di atas; dan f) ejen-ejen dan penjamin-penjamin saya/kami. Saya/Kami mengakujaji untuk memaklumkan Bank dengan serta-merta jika terjalin atau wujudnya niat untuk menjalin hubungan seperti yang dinyatakan di atas.
- 8 Saya/kami mengakui dan mengisytiharkan bahawa saya / kami telah menerima satu salinan KENYATAAN PEDEDAHAN RISIKO WARAN BERSTRUKTUR dan memahami kandungannya yang telah dijelaskan kepada saya/kami.
- 9 Saya/kami mengakui dan mengisytiharkan bahawa sebagai pelabur Alliance Bank Malaysia Berhad 198201008390 (88103-W) (selepas ini dikenali sebagai "ABMB"), saya/kami tidak akan dilindungi oleh dana pampasan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Seksyen 158 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA). Dana pampasan tidak melindungi pelabur yang telah menanggung kerugian kewangan yang disebabkan oleh penyalahgunaan, atau penyelewengan wang atau harta lain yang berunsur penipuan, oleh pengarah, pegawai, kakitangan atau wakil ABMB. Sekiranya saya/kami menanggung kerugian wang sebagaimana yang tersebut di atas, saya/kami boleh membuat aduan dengan ABMB (maklumat seperti di bawah).

Customer Care Unit

Level 7, Menara Multi-Purpose,
Capital Square, 8, Jalan Munshi Abdullah,
50100 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03-2600 1800
Emel: info@alliancefg.com

Sekiranya saya/kami tidak berpuas hati dengan keputusan ABMB, saya/kami boleh merujuk kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) la mestilah dibuat dalam tempoh enam (6) bulan selepas menerima keputusan muktamad dari ABMB. Aduan terhadap ABMB juga boleh diajukan kepada Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC), dengan menghubungi Jabatan Aduan yang berkenaan:

Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC)

Unit A-9-1, Level 9, Tower A,
Menara UOA Bangsar No. 5,
Jalan Bangsar Utama 1, 59000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2282 2280 Fax / Fax: 03-2282 3855
Emel: info@sidrec.com.my

Permulaan

K. FASAL PEDEDAHAN PDPA

Saya/Kami dengan ini seterusnya memberi kebenaran dan membenarkan Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat berkaitan saya/kami, urusan dan/atau kemudahan, akaun, produk dan/atau perkhidmatan saya/kami bagi tujuan pertalian strategik, jualan silang, pemasaran dan promosi, kepada jabatan dan/atau unit lain di Bank, syarikat lain dalam Alliance Bank* dan/atau agen dan pihak ketiga (kecuali maklumat berkaitan urusan atau akaun saya/kami) yang dianggap sesuai oleh Bank.

Bagi mengelakkan keraguan, kebenaran yang diberikan di sini akan mengatasi semua kebenaran terdahulu/sebelum ini yang diberikan oleh saya/kami kepada mana-mana entiti lain dalam Alliance Bank.

Ya Tidak

*"Alliance Bank" di sini merujuk kepada Alliance Bank Malaysia Berhad dan subsidiari-subsidiari milik sepenuhnya, iaitu Alliance Investment Bank Berhad dan Alliance Islamic Bank Berhad.

(Pemohonan Korporat Sahaja)

Kami dengan ini mengisytiharkan dan menjamin bahawa kami telah mendapatkan dan/atau akan mendapatkan persetujuan pegawai, kakitangan, penandatanganan yang diberi kuasa, pengarah, pemegang saham individu, penjamin individu, penyedia sekuriti individu, pembekal/vendor dan/atau pihak yang berkaitan (sekiranya berkenaan) untuk memproses data peribadi mereka bagi tujuan permohonan ini.

L. BORANG PENGISYTIHARAN- COMMON REPORTING STANDARD ("CRS") & FOREIGN ACCOUNT TAX COMPLIANCE ACT ("FATCA")

Sila berunding dengan penasihat cukai, undang-undang dan/atau penasihat profesional anda yang lain sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan mengenai atau berhubung dengan CRS dan FATCA, Peraturan tersebut serta maklumat yang diperlukan dalam borang ini.

CRS

Bahagian 1 - Perakuan Negara/Wilayah Bidang Kuasa Pemastautin

Saya/Kami membuat pernyataan dan mengakui bahawa saya/kami adalah/Orang yang Mengawal:

- Pemastautin cukai Malaysia (Tidak perlu Melengkapkan Bahagian 2) Pemastautin cukai Malaysia dan pemastautin cukai bukan warganegara Malaysia (Sila lengkapkan Bahagian 2)
- Pemastautin cukai bukan warganegara Malaysia (Sila lengkapkan Bahagian 2)

Bahagian 2 - Perakuan Nombor Pengenalan Pembayar Cukai bukan warganegara Malaysia

Sila nyatakan perakuan negara dan Nombor Pengenalan Pembayar Cukai yang berkenaan di mana anda adalah pemastautin cukai yang bukan warganegara Malaysia:

Negara/Wilayah bidang kuasa pemastautin cukai	Nombor Pengenalan Pembayar Cukai (TIN)	Tiada TIN kerana (sila pilih satu, rujuk kepada tafsiran di bawah)
		<input type="checkbox"/> Sebab 1 / <input type="checkbox"/> Sebab 2 / <input type="checkbox"/> Sebab 3:
		(jelaskan mengapa TIN tidak dapat diberikan)

Tiada TIN atas sebab-sebab berikut:

Sebab 1 - Negara/wilayah bidang kuasa pemastautin cukai tidak mengeluarkan TIN kepada pemastautinnya.

Sebab 2 - TIN tidak diperlukan. (Nota: Pilih sebab ini hanya sekiranya undang-undang tempatan di wilayah bidang kuasa yang berkaitan tidak menghendaki pengambilan TIN yang dikeluarkan oleh wilayah bidang kuasa tersebut.)

Sebab 3 - Tiada TIN atas sebab-sebab lain

Bahagian 3 - Jenis Entiti (Pemohonan Korporat Sahaja)

- Sekiranya anda adalah sebuah Institusi Kewangan, sila pilih salah satu daripada jenis Institusi Kewangan yang berikut:
 - (a) Institusi Depositori, Institusi Penjaga atau Syarikat Insurans Tertentu.
 - (b) Entiti Pelaburan (rujuk tafsiran di bawah).
 - (c) Entiti Pelaburan yang terletak di wilayah bidang kuasa yang tidak menyertai (rujuk tafsiran di bawah).
- Sekiranya anda telah memilih Bahagian 3(1)(c) di atas atau anda telah memilih dalam seksyen FATCA /borang tambahan (potong mana yang berkenaan) bahawa anda adalah NFFE (Entiti Asing Bukan Kewangan) Pasif (iaitu sebuah entiti yang sebahagian besar hasil pendapatannya (sekurang-kurangnya 50%) adalah dari aktiviti pelaburan), sila lengkapkan (a) dan (b) di bawah:
 - (a) Nyatakan nama mana-mana Orang yang Mengawal
 - _____
 - _____
 - _____
 - (b) Lengkapkan Borang Perakuan Pembayar Cukai Pemastautin Individu bagi setiap Orang yang Mengawal (sila dapatkan borang tersebut daripada pegawai jualan)

FATCA

Saya/Kami mengakui bahawa saya/kami adalah

- Warga Amerika Syarikat (A.S.) (rakyat atau residen A.S. atau pemegang kad hijau A.S. atau pemegang pasport A.S.) - **Sila isikan Borang W-9**
- Bukan Warga A.S.

Sila lengkapkan (jika berkenaan)

- Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami dilahirkan di A.S tetapi saya/kami bukan Warga A.S. Saya/Kami tidak memiliki "Sijil Kehilangan Kewarganegaraan", kerana saya/kami telah:
 - (a) Kehilangan sijil tersebut, atau
 - (b) Sebab lain, (sila terangkan) _____
- Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa tempat kediaman saya/kami adalah di Malaysia dan satu-satunya alamat yang saya/kami ada untuk surat- menyurat ialah Peti Surat atau alamat "di bawah alamat".

Permulaan

Nyatakan Kategori Entiti (Pemohonan Korporat Sahaja)

Pilih salah satu daripada yang berikut:		FATCA (untuk kegunaan bank sahaja)
<input type="radio"/> Bukan entiti kerajaan Amerika Syarikat		C
<input type="radio"/> Bukan bank pusat Amerika Syarikat		C
<input type="radio"/> Entiti tersenarai awam (bukan-FI) yang didagangkan di Bursa Malaysia atau bursa saham lain di luar Amerika Syarikat, termasuklah subsidiarinya		D
<input type="radio"/> Hasil pendapatan entiti tersebut sebahagian besarnya (sekurang-kurangnya 50%) adalah dari aktiviti perniagaan utamanya (selain daripada aktiviti pelaburan) <u>Pengisytiharan:</u> <input type="radio"/> Sebuah entiti, di luar Amerika Syarikat, yang bergiat dalam perniagaan selain daripada yang dijalankan oleh institusi kewangan		F
<input type="radio"/> Institusi Kewangan (FI) di luar Amerika Syarikat Klasifikasi FATCA (Rujuk kepada Borang W8-BEN-E): _____	Sekiranya dipilih, sila lengkapkan Borang W-8BEN-E	G-T
<input type="radio"/> Entiti diperbadankan/ditubuhkan di Amerika Syarikat: Sila pilih salah satu daripada kategori berikut: <input type="radio"/> Individu A.S. tertentu (Rujuk Borang W9) <input type="radio"/> Individu A.S. yang tidak dinyatakan (Rujuk Borang W9)	Sekiranya dipilih, sila lengkapkan Borang W-9	A B W (sekiranya W9 TIDAK dilengkapkan)
<input type="radio"/> Sebahagian besar daripada hasil pendapatan entiti (sekurang-kurangnya 50%) adalah dari aktiviti pelaburan <u>Pengisytiharan:</u> <input type="radio"/> Sebuah entiti, di luar Amerika Syarikat, yang terlibat dalam perniagaan selain daripada yang dijalankan oleh institusi kewangan <u>Sila pilih salah satu daripada yang berikut:</u> Adakah entiti ini mempunyai Pemilik Amerika Syarikat yang mempunyai milikan yang besar? <input type="radio"/> Yes <input type="radio"/> No	Sekiranya pilihan "ya", sila lengkapkan Borang W-8BEN-E	U V (sekiranya W-8BEN-E TIDAK dilengkapkan)
<input type="radio"/> Tiada yang tersebut di atas	Sila lengkapkan Borang W-8BEN-E	G (sekiranya W-8BEN-E TIDAK dilengkapkan)

Akuan

Saya/Kami mengakui bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah benar, tepat dan lengkap dan saya/kami tidak menyembunyikan sebarang maklumat tentang diri saya/kami. Saya/Kami faham bahawa terma "warga A.S. (1)" bermaksud mana-mana rakyat atau residen Amerika Syarikat.

Saya/Kami dengan ini membenarkan dan memberi kuasa pada Alliance Bank Malaysia Berhad/Alliance Islamic Bank Berhad/Alliance Investment Bank Berhad, atau mana-mana syarikat sekutunya, termasuk cawangan (secara kolektifnya "Bank") untuk melaporkan maklumat saya/kami kepada pihak berkuasa domestik atau asing dan/atau pihak berkuasa cukai (di mana perlu) menurut keperluan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing A.S. seperti yang ditetapkan oleh undang-undang, peraturan, perjanjian atau garis panduan kawal selia atau arahan yang berkenaan.

Saya/Kami mengakui bahawa maklumat yang terkandung dalam Borang ini dan maklumat saya/kami serta sebarang akaun kena lapor mungkin akan diberikan kepada penguasa cukai di negara/wilayah bidang kuasa di mana akaun ini diselenggara dan dikongsi dengan penguasa cukai di negara/wilayah bidang kuasa lain di mana saya/kami mungkin merupakan pemastautin cukai, menurut perjanjian antara kerajaan untuk berkongsi maklumat akaun kewangan.

Saya/Kami dengan ini membenarkan dan bersetuju bahawa Bank boleh menahan daripada akaun (akaun-akaun) saya/kami sejumlah wang seperti yang diperlukan oleh pihak berkuasa kawal selia domestik atau asing dan/atau pihak berkuasa cukai menurut keperluan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing A.S. seperti yang ditetapkan oleh undang-undang, peraturan, perjanjian atau garis panduan kawal selia atau arahan yang berkenaan.

Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa Bank boleh mengklasifikasikan entiti tersebut sebagai pemegang akaun rekalsitran atau institusi kewangan asing yang tidak mengambil bahagian ("NPFFI") dan/atau menamatkan, menggantung, membatalkan dan/atau menarik balik akaun dan/atau kemudahan yang diberikan kepada entiti tersebut, sekiranya saya/kami gagal memberikan maklumat yang tepat dan lengkap dan/atau dokumentasi sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank.

Jika terdapat sebarang perubahan pada maklumat yang diberikan kepada Bank yang menjadikan saya/kami sebagai warga A.S. atau yang bersikap degil (mereka yang gagal mematuhi permintaan yang munasabah untuk maklumat bagi menentukan jika akaun ini milik warga A.S.), Bank berhak untuk menamatkan, menggantung, membatalkan dan/atau menarik balik akaun dan/atau kemudahan yang diberikan kepada saya/kami.

Saya/Kami mengesahkan bahawa saya/kami adalah pemilik benefisial segala akaun yang dirujuk dalam Borang ini.

Saya/Kami mengaku janji untuk memaklumkan kepada Kumpulan ABMB dalam tempoh 30 hari apabila terdapat sebarang perubahan keadaan yang menjejaskan status mastautin cukai saya/kami atau menyebabkan maklumat yang terkandung di sini menjadi tidak tepat atau tidak lengkap, dan untuk menyediakan perakuan diri dan Pengisytiharan yang telah dikemas kini sewajarnya kepada Kumpulan ABMB dalam tempoh 30 hari selepas terjadinya perubahan keadaan tersebut.

Saya/Kami berjanji untuk memberitahu Bank secara bertulis dalam masa tiga puluh (30) hari kalendar jika terdapat sebarang perubahan dalam mana-mana maklumat yang telah saya/kami berikan pada Bank.

Permulaan

Tandatangan Pemohon/ Pengiktirafn Sah & Stamp Syarikat

Tandatangan dalam kotak ini

Untuk kegunaan pengemaskinian tandatangan spesimen baharu sahaja

Nama:

No. Pengenalan:

Tarikh (hh/bb/tttt):

Tandatangan pengiktirafan sah (PEMOHONAN KORPORAT SAHAJA)

Nama	Tandatangan	No. K.P/ No. Pasport	Jawatan	No. Tel. Bimbit	Alamat E-mel	Penjamin
						<input type="radio"/> YA <input type="radio"/> TIDAK
						<input type="radio"/> YA <input type="radio"/> TIDAK
						<input type="radio"/> YA <input type="radio"/> TIDAK

Permulaan

Tafsiran Istilah Tertentu

CRS

(a) Nombor Pengenalan Pembayar Cukai (TIN)

Istilah TIN bermaksud Nombor Pengenalan Pembayar Cukai atau yang setara dengannya dari segi fungsi sekiranya tiada TIN. TIN adalah kombinasi unik huruf atau nombor yang dikeluarkan oleh wilayah bidang kuasa kepada individu dan digunakan untuk mengenal pasti individu bagi tujuan pentadbiran undang-undang per cukaian bagi wilayah bidang kuasa tersebut. Sebagai contoh, di Malaysia, TIN merupakan nombor pengenalan yang diterbitkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia kepada individu.

(b) Pemastautin cukai Malaysia (Sila layari: <http://www.hasil.gov.my>)

Tafsiran di bawah diambil dari Seksyen 7 Akta Cukai Pendapatan 1967.

- (1) Untuk tujuan Akta ini, seseorang individu adalah pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran tertentu sekiranya –
- individu tersebut berada di Malaysia dalam tahun asas tersebut untuk tempoh atau tempoh-tempoh yang keseluruhannya berjumlah seratus lapan puluh dua hari atau lebih
 - individu tersebut berada di Malaysia dalam tahun asas untuk suatu tempoh yang kurang daripada seratus lapan puluh dua hari dan tempoh tersebut adalah dihubungkan oleh atau dengan satu tempoh lain yang berjumlah seratus lapan puluh dua hari berturut-turut atau lebih (kemudian daripada ini dirujuk dalam perenggan ini sebagai tempoh tersebut) di mana sepanjang tempoh itu individu tersebut berada di Malaysia dalam tahun asas untuk tahun taksiran sebelum tahun taksiran yang tertentu atau dalam tahun asas untuk tahun taksiran selepas tahun taksiran yang tersebut: Dengan syarat sebarang ketiadaan sementara dari Malaysia –
 - berkaitan dengan khidmatnya di Malaysia dan disebabkan oleh hal-hal perkhidmatan atau menghadiri persidangan atau seminar atau belajar di luar negara;
 - disebabkan oleh keuzuran yang melibatkan dirinya sendiri atau ahli keluarga terdekatnya; dan
 - merujuk kepada lawatan sosial yang secara keseluruhannya tidak melebihi empat belas hari,
 - harus dikira sebagai sebahagian daripada tempoh tersebut atau tempoh itu, mengikut mana yang berkenaan, sekiranya individu itu berada di Malaysia sebelum dan selepas ketiadaan sementara tersebut;
 - individu itu berada di Malaysia dalam tahun asas tersebut untuk tempoh atau tempoh-tempoh yang keseluruhannya berjumlah sembilan puluh hari atau lebih, yang merujuk kepada setiap tiga daripada tahun-tahun asas untuk empat tahun taksiran sebelum tahun taksiran tertentu sama ada:
 - bermastautin di Malaysia menurut maksud Akta ini bagi tahun asas yang berkenaan; atau
 - berada di Malaysia bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang keseluruhannya berjumlah sembilan puluh hari atau lebih bagi tahun asas yang berkenaan; atau
 - individu tersebut bermastautin di Malaysia menurut maksud Akta ini bagi tahun asas untuk tahun taksiran yang berikutnya selepas tahun taksiran tertentu, setelah bermastautin bagi setiap tahun asas untuk tiga tahun taksiran sebelum tahun taksiran tersebut.
- (1A) Untuk tujuan subseksyen (1), seseorang individu harus dianggap sebagai berada di Malaysia selama sehari sekiranya individu tersebut berada di Malaysia selama sebahagian atau beberapa bahagian daripada hari tersebut dan untuk memastikan tempoh individu itu berada di Malaysia dalam mana-mana tahun, sebarang hari (dalam subseksyen (1)(a) dan (c)) individu itu berada di Malaysia harus diambil kira sama ada hari tersebut merupakan sebahagian daripada suatu tempoh yang berterusan beliau berada di Malaysia atau tidak.
- (1B) Walau apa pun subseksyen (1), di mana seseorang individu yang merupakan warganegara dan:
- bekerja dalam perkhidmatan awam atau pihak berkuasa berkanun; dan
 - tiada di Malaysia pada mana-mana hari dalam tahun asas untuk tahun taksiran tertentu kerana:
 - menjalankan tugas di luar Malaysia; atau
 - menghadiri sebarang kursus pengajian di mana-mana institusi atau badan profesional di luar Malaysia yang ditaja sepenuhnya oleh majikan,

individu tersebut dianggap sebagai pemastautin bagi tahun asas untuk tahun taksiran tertentu dan bagi tahun-tahun asas yang seterusnya semasa individu tersebut tiada di Malaysia.

(c) Entiti Pelaburan

Sebarang entiti yang menjalankan perniagaan dengan melaksanakan satu atau lebih aktiviti atau operasi berikut untuk dan bagi pihak pelanggannya

- perdagangan dalam instrumen pasaran wang (cek, bil, sijil deposit, derivatif, dll.), tukaran asing, bursa, kadar faedah dan instrumen indeks, sekuriti boleh pindah milik atau perdagangan niaga hadapan komoditi;
- pengurusan portfolio secara individu dan kolektif;
- sebaliknya melabur, mentadbir, atau menguruskan Aset Kewangan atau wang bagi pihak orang lain (pengurus pelaburan/penasihat pelaburan adalah termasuk dalam tafsiran Entiti Pelaburan)

Sebarang entiti yang hasil pendapatan kasarnya adalah dari pelaburan, pelaburan semula atau dagangan Aset Kewangan, sekiranya Entiti tersebut diuruskan oleh Entiti lain yang merupakan Institusi Depositori, Institusi Penjaga, Syarikat Insurans Tertentu atau Entiti Pelaburan yang dinyatakan dalam (a) di atas.

Sebuah entiti "diuruskan oleh" entiti lain sekiranya entiti pengurus tersebut menjalankan, sama ada secara langsung atau tidak langsung atau melalui penyedia perkhidmatan lain bagi pihak entiti yang diuruskan, sebarang aktiviti atau operasi yang dinyatakan dalam (b) di atas.

Sebuah entiti hanyalah menguruskan entiti lain sekiranya ia mempunyai kuasa budi bicara untuk menguruskan aset entiti lain tersebut (sama ada keseluruhan atau sebahagiannya). Sekiranya sebuah entiti diuruskan oleh beberapa institusi kewangan, NFE atau individu, entiti tersebut dianggap sebagai diuruskan oleh entiti lain iaitu Institusi Depositori, Institusi Penjaga, Syarikat Insurans Tertentu, atau Entiti Pelaburan Lain sebagaimana yang dinyatakan dalam (b) di atas, sekiranya mana-mana Entiti Pengurus adalah entiti seperti yang tersebut.

(d) Entiti Pelaburan yang terletak di dalam wilayah bidang kuasa yang tidak menyertai

Entiti Pelaburan (ditakrifkan dalam (b) di atas) yang terletak dalam wilayah bidang kuasa yang tidak menyertai. Rujuk kepada laman web <https://www.oecd.org> bagi negara-negara yang disenaraikan sebagai wilayah bidang kuasa yang menyertai.

(e) Orang yang Mengawal

Orang yang Mengawal adalah orang sebenar yang secara muktamad mempunyai kepentingan pemilikan yang mengawal (25%) dalam entiti tersebut. Sekiranya tiada orang sebenar yang dikenal pasti mengawal entiti tersebut menerusi kepentingan pemilikan, Orang yang Mengawal entiti adalah orang sebenar yang mengawal entiti tersebut melalui cara lain. Sekiranya tiada orang sebenar yang dikenal pasti mengawal entiti tersebut menerusi kepentingan pemilikan, maka di bawah CRS, Orang Kena Laport adalah dianggap sebagai orang sebenar yang memegang jawatan pegawai pengurusan kanan.

FATCA

- (1) Terma warga A.S. atau warga Amerika Syarikat bermaksud individu yang dinyatakan dalam seksyen 7701(a)(30) Kod Hasil Dalam Negeri:
- (A) rakyat atau residen Amerika Syarikat,
 - (B) perkongsian Amerika Syarikat,
 - (C) korporat Amerika Syarikat,
 - (D) mana-mana estet (selain estet yang mana pendapatan, daripada sumber tanpa Amerika Syarikat yang secara efektifnya tidak berkait dengan urusan perdagangan atau perniagaan di dalam Amerika Syarikat, tidak termasuk dalam pendapatan kasar di bawah Kod Hasil Dalam Negeri), dan
 - (E) mana-mana amanah jika
 - i. Mahkamah dalam Amerika Syarikat berupaya melaksanakan pengawasan utama ke atas pentadbiran amanah, dan
 - ii. Satu atau lebih individu Amerika Syarikat mempunyai kuasa untuk mengawal semua keputusan penting amanah.
- (2) Institusi Kewangan bermaksud sebarang entiti yang:
- i. Menerima deposit dalam perjalanan biasa urusan institusi perbankan atau yang seumpamanya (institusi depository), atau
 - ii. Memegang, sebagai sebahagian besar perniagaannya, aset kewangan bagi manfaat seorang atau lebih individu lain (institusi penjaga); atau
 - iii. merupakan entiti pelaburan; atau
 - iv. merupakan sebuah syarikat insurans yang mempunyai obligasi untuk membuat pembayaran merujuk kepada, insurans nilai tunai atau kontrak anuiti (syarikat insurans tertentu); atau
 - v. merupakan sebuah entiti yang merupakan syarikat induk atau pusat perbendaharaan (yang merupakan sebahagian daripada kumpulan (i) – (v) di atas atau ditubuhkan sebagai instrumen pelaburan kolektif, dana bersama, dana dagangan bursa, dana ekuiti persendirian, dana lindung nilai, dana modal teroka, dana beli habis leveraj, atau sebarang instrumen pelaburan seumpamanya yang ditubuhkan dengan strategi pelaburan untuk menjalankan pelaburan, pelaburan semula, atau dagangan aset kewangan
- (3) Pemilik A.S. yang mempunyai milikan besar bermaksud:
- i. Merujuk kepada mana-mana perbadanan asing, sebarang individu A.S. tertentu yang memiliki, secara langsung atau tidak langsung, lebih daripada 10 peratus saham syarikat tersebut (dari segi undi atau nilai)
 - ii. Merujuk kepada sebarang perkongsian asing, mana-mana individu A.S. tertentu yang memiliki, secara langsung atau tidak langsung, lebih daripada 10 peratus daripada kepentingan keuntungan atau kepentingan modal dalam perkongsian tersebut; dan
 - iii. Dalam hal amanah:
 - (a) Mana-mana individu A.S. tertentu yang dianggap sebagai pemilik bagi sebarang bahagian amanah tersebut di bawah seksyen 671 hingga 679; dan
 - (b) Mana-mana individu A.S. tertentu yang memegang, secara langsung atau tidak langsung, lebih daripada 10 peratus kepentingan bermanfaat amanah tersebut.

M. UNTUK KEGUNAAN BANK SAHAJA**Pengiktirafan Sah (UNTUK KEGUNAAN BANK SAHAJA)**

Saya mengesahkan bahawa berdasarkan maklumat yang diperolehi berhubung dengan pembukaan akaun, termasuklah sebarang dokumentasi yang dikumpul menurut prosedur KYC/AML, tiada sebab untuk mengetahui bahawa perakuan diri yang diberikan oleh Pelanggan/Orang yang Mengawal (potong mana yang tidak berkenaan) adalah tidak tepat atau tidak boleh dipercayai.

Jika pemohon ialah Entiti Pelaburan yang terletak dalam wilayah bidang kuasa yang tidak menyertai, saya membandingkan tempat penubuhannya dengan senarai dikemas kini OECD yang senaraikan wilayah bidang kuasa yang menyertai dan mengesahkan bahawa pemohon telah mengesahkan statusnya dengan betul.

**FATCA / CRS Pengesahan/ Pengiktirafan/ Disyorkan
Oleh Kakitangan jualan/ Teller/ Kakitangan Pejabat Depan
Dealer/ Remisier**

**FATCA / CRS Pengesahan
Oleh Pentadbir kredit / Operasi**

**Nama
Jawatan
Pejabat Cawangan
Tarikh (hh/bb/tttt)**

**Nama
Jawatan
Tarikh (hh/bb/tttt)**

Permulaan

Required Document Checklist

Individual

- Copy of NRIC or Passport (foreigner) duly Original Sighted
- Copy of Income Supporting Documents (i.e. latest BE/EA Form or Salary Slip or Bank Statement or CDS/Stockbroker Statement)
- Application Form duly signed & witnessed
- CDS Account Form (Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd)
- Authorisation to balance enquiry request
- Letter authorisation for direct credit facility
- Flexi 7/Discretionary Financing Additional Terms & Conditions
- Product Disclosure Sheet (PDS) to be given to customer (margin only)

Corporate

- Board Resolution
- Photocopy of Directors' NRIC/Passport (if non-resident) - Original sighted
- Photocopy of guarantor' NRIC/Passport (if non-resident) - Original sighted
- Photocopy of all guarantors' latest Pay slip/Bank Statement/Saving passbook/EA/BE/CDS Statement - Original sighted
- Latest 3 months bank statements (original sighted by our Bank's Officer/CTC)
- Application Form duly signed & witnessed
- CDS Account Form (Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd)
- Letter authorisation for direct credit facility
- Authorisation to balance enquiry request
- Product Disclosure Sheet (PDS) to be given to customer (Margin only) *[Under Company Act 1965]*
- CTC of Memorandum & Articles of Association/By-Laws
- CTC of Form 8 or 9 - Certification of Incorporation
- CTC of Form 13 - Change of Company Name (if applicable)
- CTC of Form 24 - Return of Allotment of Shares
- CTC of Form 44 - Notification of Situation of Registered Office
- CTC of Form 49 - Particular of Directors, Managers and Secretaries
- CTC of latest Audited Accounts *[Under Company Act 2016]*
- CTC of Constitution (Duly signed declaration of company does not have constitution)
- CTC of Section 14 & 15 - Application & Notice of registration
- CTC of Form 58 & 236 (2) - Notification of Appointment of First secretary
- CTC of Form under section 78 - Return of allotment of shares
- CTC of Form under section 58 - Notification of change in the Register of Directors, Managers and Secretaries

Account Details

Source of leads STC A@W Bank Branch For ELCI GCCT SME
 Others (Please specify): _____

Product Tagging TRAC SBG

Branch Code Branch Name

Staff ID/ Sales Code Staff Name

ED Code/STC Code

Proposed Terms**1 Client Pricing (For loan application only)**

- Standard pricing rate
 Pre-approved/ Campaign pricing rate
 Proposed pricing rate

CCRIS purpose code	Description
1111	Purchase of Quoted Shares in Malaysia (investment in related entity)
1112	Purchase of Quoted Shares in Malaysia (other quoted shares)

2 Client Brokerage Rate

	Brokerage Rate Below or Equal RM100,000	Brokerage Rate Above RM100,000
Offline Trading		
Online Trading		
Day Trading		

3 DEALER'S DECLARATION

How do I know Applicant Duration I have known Applicant

Applicant's Investment Style Always pays for purchases Most of the time contra
 Most of the time pays for purchases Always contra

Ability to evaluate risk in trading/investing in securities

- Good (has knowledge to evaluate risk, seeks and evaluate advice, does not trade on rumours)
 Average (some knowledge to evaluate risk, listens to rumours, but seeks advice/confirmation)
 Poor (lacks knowledge to evaluate risk, listens to rumours, acts impulsively and does not listen to advice)

Trading Limit Recommended RM

Other Relevant Information to Justify Recommendation

I hereby request Alliance Investment Bank Berhad ("AIBB") to allow the above named applicant to be registered as a client of AIBB for my account and at my own risk and liabilities. As a Dealer's Representative of AIBB, I hereby confirm that all the information given herewith by the said applicant is true and correct to the best of my knowledge and belief, and where the applicant is unable to read and understand the provisions (including the rights, covenants, undertakings and obligations of the applicant/client) as contained in the application form and trading account agreement of AIBB, I have distinctly, clearly and audibly translated the same for the applicant and the applicant has appeared to clearly understand the same.

Signature of Dealer's Representative

 Name
 Identity No
 Date (dd/mm/yyyy)

N. FOR BACK OFFICE USE ONLY

Client Code	_____	DR Code	_____	Client Type	_____
Approved Trading Limit	_____	Brokerage rate	_____	Checked by	_____
Approved by	_____	Keyed in by	_____	Date	_____
Date	_____	Date	_____		
Remarks (If any)*	_____				

TERMA DAN SYARAT

1. PEMBUKAAN, OPERASI DAN PENYELENGGARAAN AKAUN

- 1.1. Pembukaan Akaun: Saya/Kami dengan ini memohon dan memberi kuasa kepada ALLIANCE INVESTMENT BANK BERHAD ("AIBB") untuk membuka Akaun Dagangan ("Akaun Dagangan") bagi dagangan saham, syer dan sekuriti lain ("Sekuriti") yang tersenarai di mana-mana bursa yang diluluskan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad ("ABMB")/Alliance Investment Bank Berhad ("AIBB") ("the Bank") sama ada di Malaysia atau di negara-negara lain ("bursa yang berkaitan") termasuklah, sekiranya perlu, akaun sekuriti dengan Bursa Malaysia Depository Sdn. Bhd. ("Bursa Malaysia Depository") atau mana-mana depository berpusat atau agensi penjelasan. Segala urusan niaga Sekuriti yang dijalankan oleh saya/kami atau bagi pihak saya/kami akan dilaksanakan melalui AIBB atau broker saham lain seumpamanya sebagaimana yang diputuskan oleh Bank menurut budi bicara ("Broker Saham"). Bagi tujuan tersebut, Bank diberi kuasa yang tidak boleh ditarik balik untuk bertindak ke atas segala permohonan dan arahan (sama ada secara lisan, bertulis, elektronik atau sebaliknya) sama ada dikeluarkan oleh saya/kami atau oleh Broker Saham untuk menggunakan akaun dagangan tersebut bagi tujuan penyelesaian segala urusan niaga Sekuriti (termasuklah bayaran semua caj, faedah dan penalti yang dikenakan oleh Bank berkenaan dengan yang tersebut) yang dijalankan oleh saya/kami atau bagi pihak saya/kami di bawah Akaun Dagangan tersebut.
- 1.2. Pematuhan undang-undang, garis panduan, polisi dan prosedur: Saya/Kami berjanji untuk mematuhi dan mengikut semua undang-undang, undang-undang kecil, aturan, peraturan, perintah, polisi, prosedur, pekeliling, arahan yang berkenaan dan sebarang keperluan bursa yang berkaitan di mana Sekuriti tersebut disenaraikan dan organisasi penjelasan di mana transaksi tersebut dilaksanakan atau dijelaskan oleh Bank (dan bursa yang berkaitan dan/atau penguasa peraturan dan/atau penyeliaan, sama ada di Malaysia atau di luar negara akan dirujuk secara kolektif sebagai "**pihak berkuasa yang berkaitan**").
- 1.3. Keperluan: Saya/Kami selanjutnya mengakui dan menyetujui bahawa sebagai mematuhi keperluan berkaitan yang berkuatkuasa, Bank menurut budi bicara boleh:
 - (a) Mengelakkan daripada bertindak sehingga maklumat yang diperlukan diberikan oleh saya/kami kepadanya; dan/atau
 - (b) Mengesahkan bahawa maklumat yang diterima daripada saya/kami adalah memuaskan Bank, dan/atau
 - (c) Mengelakkan daripada melaksanakan sebarang tindakan yang disebabkan oleh maklumat tersebut, yang akan atau mungkin, pada pendapat Bank, bertentangan dengan mana-mana keperluan yang berkaitan dan/atau boleh melakukan sebarang tindakan yang pada pendapatnya adalah perlu untuk memastikan pematuhan keperluan tertentu yang berkaitan. Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa bentuk kerugian atau akibat yang timbul daripada atau disebabkan oleh kejadian yang dijelaskan dalam klausa ini.
- 1.4. Akaun CDS: Saya/Kami bersetuju dan berjanji untuk membuka dan menyelenggara akaun dengan Bursa Malaysia Depository ("Akaun CDS") melalui AIBB sebagai Ejen Depositori Berdaftar ("ADA") dan untuk membayar segala fi dan caj yang berkaitan berhubung akaun tersebut dan segala transaksi yang dibuat di bawahnya.
- 1.5. Perkhidmatan penama: Bank boleh memegang Sekuriti yang dibeli oleh saya/kami (dalam bursa tempatan dan/atau asing) sama ada secara terus atau melalui penama atau penjaga dan segala kos yang berkaitan dengan pegangan sekuriti tersebut akan ditanggung oleh saya/kami.
- 1.6. Deposit Sekuriti: Saya/Kami berjanji untuk membayar dan mengekalkan amaun deposit sekuriti sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dan pada bila-bila masa untuk menambah deposit tersebut sebagaimana dan pada bila-bila masa yang ditentukan oleh Bank, dan selanjutnya untuk membuat bayaran dengan segera bagi penyerahan saham, syer dan/atau sekuriti lain (selepas ini dirujuk sebagai "Sekuriti") yang dibeli oleh saya/kami dan/atau bagi pihak saya/kami dan membenarkan Bank untuk menggunakan bayaran/ deposit tersebut dengan sebarang cara sebagaimana yang diputuskan oleh Bank menurut budi bicara. Saya/Kami selanjutnya berjanji untuk membayar amaun deposit yang ditetapkan oleh Bank bagi kontrak pembelian yang dibuat bagi pihak saya/kami, di mana bakinya, sekiranya ada, akan dibayar dengan segera semasa penyerahan Sekuriti, atau apabila diminta oleh Bank.
- 1.7. Pesanan melalui telefon:
 - (i) Saya/Kami bersetuju bahawa semua pesanan yang dibuat melalui telefon akan dianggap sebagai sah tanpa sebarang keperluan bagi pihak Bank untuk membuat apa-apa pengesahan dan/atau memberi sebarang bukti bagi pengesahan tersebut dan/atau pesanan tersebut dan sebarang transaksi sekiranya dilaksanakan adalah atas risiko saya/kami sendiri.
 - (ii) Saya/Kami mempersetujui rakaman perbualan telefon (dengan atau tanpa penggunaan peranti amaran nada automatik) dibuat menurut budi bicara Bank dan rakaman dan transkrip tersebut digunakan sebagai bukti dalam sebarang pertikaian. Saya/Kami mengakui dan bersetuju bahawa Bank tidak perlu menyimpan salinan rakaman atau transkrip tersebut.
- 1.8. Pesanan melalui Faksimili atau Mel Elektronik (e-mel): Saya/Kami bersetuju bahawa semua pesanan dan arahan yang dibuat melalui faksimili atau mel elektronik akan dianggap sebagai sah tanpa sebarang keperluan bagi pihak Bank untuk membuat apa-apa pengesahan dan/atau memberi sebarang bukti bagi pengesahan tersebut dan sebarang transaksi sekiranya dilaksanakan adalah atas risiko saya/kami sendiri. Selanjutnya, saya/kami mengakui dan mengesahkan bahawa saya/kami menyedari bahawa tandatangan (di mana yang berkenaan) pada arahan faksimili atau mel elektronik mungkin ditindan secara penipuan atau tanpa kebenaran yang sepatutnya ketika dihantar kepada Bank dan saya/kami akan memberikan arahan kepada Bank melalui cara-cara ini hanya sekiranya saya/kami bersetuju untuk mengambil risiko tersebut. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kerosakan, perbelanjaan, tuntutan atau liabiliti yang dialami oleh saya/kami yang disebabkan oleh tindakan Bank berdasarkan arahan faksimili atau mel elektronik selagi tandatangan yang terdapat pada arahan faksimili atau mel elektronik tersebut apabila disahkan kelihatan sebagaimana atau berupa tandatangan contoh saya/kami. Selanjutnya, saya/kami mengakui bahawa bukan semua mel elektronik mempunyai tandatangan dan Bank mempunyai kuasa untuk bertindak mengikut arahan tersebut sama ada terdapat tandatangan atau tidak.
- 1.9. Kuasa Bertindak: Saya/Kami bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk bertindak dan saya/kami adalah terikat dengan sebarang notis atau bentuk komunikasi lain yang diterima oleh Bank dan diyakini oleh Bank sebagai diberi atau dibuat oleh individu yang diberi kuasa oleh saya/kami kepada Bank secara bertulis ("individu yang dibenarkan oleh saya/kami") dan transaksi yang dibuat menurut arahan tersebut juga dengan itu mengikat saya/kami. Sekiranya mana-mana arahan adalah tidak jelas atau tidak konsisten dengan sebarang arahan lain, Bank berhak untuk sama ada bertindak atas arahan tersebut atau untuk bergantung kepada dan bertindak mengikut sebarang tafsiran yang munasabah yang dipercayai oleh mana-mana pegawai Bank sebagai tafsiran yang betul. Saya/Kami tidak akan mempertanggungjawabkan Bank dalam apa cara sekalipun akibat tindakan yang diambil menurut arahan yang tidak konsisten, tidak jelas atau tidak lengkap.
- 1.10. Dakwaan Arahan: Bank tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap saya/kami atas tindakan yang dibuat mengikut sebarang arahan yang disampaikan atau didakwa disampaikan oleh saya/kami kepada Bank melalui telefon atau secara bertulis dan ditandatangani atau didakwa ditandatangani oleh saya/kami atau individu yang dibenarkan oleh saya/kami, atau yang diberi menerusi penghantaran atau yang didakwa diberi atau yang didakwa dihantar melalui faksimili atau mel elektronik walaupun kemudiannya ditunjukkan bahawa arahan tersebut tidak diberi oleh saya/kami atau individu yang dibenarkan oleh saya/kami. Apa-apa risiko salah faham, sebarang kesilapan atau kerugian yang diakibatkan oleh arahan yang diberikan oleh individu yang tidak diberi kuasa atau sebarang kesilapan, kerugian atau kelewatan yang diakibatkan oleh penggunaan pos, faksimili atau mel elektronik adalah sepenuhnya atas risiko diri saya/kami sendiri yang tidak akan ditanggung oleh Bank.
- 1.11. Kontra: Saya/Kami mengakui bahawa urusan niaga kontra berhubung kontrak belian sebelumnya hanya akan dibenarkan menurut budi bicara Bank dan tertakluk kepada keperluan yang berkaitan yang ditetapkan oleh bursa yang berkaitan (termasuklah bursa asing, sekiranya ada). Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang bentuk kerugian, tuntutan, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh saya/kami atau keuntungan atau manfaat yang mungkin tidak diterima oleh saya/kami, yang timbul akibat keengganan Bank untuk membenarkan saya/kami menjalankan urusan niaga kontra tanpa mengira sama ada urusan niaga kontra tersebut adalah dibenarkan oleh peraturan bursa yang berkaitan.

Permulaan

TERMS & CONDITIONS

- 1.12 Tukaran matawang bagi wang dalam akaun: Saya/kami bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk menukar sebarang amaun dalam Akaun Dagangan saya/kami dengan Bank atau sebaliknya baki kredit saya/kami kepada sebarang matawang lain bagi tujuan melaksanakan pesanan dan/atau arahan saya/kami atau dalam melaksanakan hak dan remedi Bank di bawah Terma dan Syarat ini. Saya/Kami bersetuju bahawa sebarang kerugian kadar tukaran dan kos tukaran akan ditanggung sepenuhnya oleh saya/kami dan bahawa sebarang tukaran akan dibuat pada kadar tukaran sebagaimana yang disebut atau diputuskan oleh Bank.
- 1.13 Waktu pesanan: Saya/kami mengakui dan menerima bahawa semasa membuat pesanan atau arahan, terdapat kemungkinan di mana harga yang disebut bagi Sekuriti akan berubah sebelum pelaksanaan pedagang disebabkan keadaan pasaran dan bahawa bukan semua pesanan akan dilaksanakan mengikut susunan kronologi ketika pesanan dibuat, dan Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang diakibatkan olehnya.

2. FAEDAH, KOS DAN CAJ

- 2.1 Faedah: Saya/Kami berjanji untuk membayar faedah kepada Bank berhubung mana-mana amaun yang tertunggak pada kadar dan kaedah pengiraan (termasuklah faedah kompaun/faedah dipermodalkan) sebagaimana yang ditentukan oleh Bank menurut budi bicara dari semasa ke semasa dan bersetuju bahawa faedah yang perlu dibayar selepas sebarang penghakiman mahkamah adalah pada kadar dan cara pengiraan yang akan ditentukan.
- 2.2 Kos dan Caj Guaman: Saya/Kami mengisytiharkan bahawa saya/kami akan dipertanggungjawabkan untuk membayar kepada Bank (dan dengan ini berjanji untuk melaksanakannya) segala kos, caj dan perbelanjaan guaman (atas dasar peguam cara dan klien) beserta faedah berkaitan yang dialami atau ditanggung oleh Bank dari semasa ke semasa dan/atau pada bila-bila masa untuk mendapatkan atau mencari untuk mendapatkan bayaran bagi keseluruhan atau sebahagian daripada wang yang terhutang kepada Bank dan/atau dalam penguatkuasaan sebarang obligasi saya/kami dan/atau liabiliti dan/atau dalam penyelenggaraan dan/atau perlindungan haknya dan/atau remedi yang terkandung di sini dan/atau berhubung dengan Akaun Dagangan dan/atau Sekuriti.
- 2.3 Bayaran: Saya/Kami berjanji untuk membayar dengan segera kepada Bank segala faedah, caj (termasuklah caj bayaran lewat) dan kos dan perbelanjaan pada kadar dan kaedah pengiraan sebagaimana yang ditentukan oleh Bank berkenaan baki debit tertunggak akaun saya/kami dan membayar segala fi yang berkaitan, caj pembrokeran dan lain-lain caj, fi perkhidmatan, komisen, kos dan perbelanjaan yang berkaitan dengan transaksi tersebut dan/atau Akaun Dagangan (termasuklah penyelenggaraan mana-mana Akaun Dagangan yang akan ditentukan oleh Bank) yang boleh dikenakan oleh Bank pada bila-bila masa dan/atau yang dialami atau ditanggung oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 2.4 Tukaran matawang bagi wang yang diterima: Saya/Kami bersetuju bahawa Bank berhak untuk menukar sebarang jumlah yang diterimanya (sama ada untuk dikreditkan ke dalam Akaun Dagangan atau sebagai bayaran apa-apa jumlah yang perlu dibayar kepada Bank) kepada matawang Akaun Dagangan dengan Bank atau (mengikut mana yang berkenaan) matawang yang digunakan untuk membuat bayaran, pada kadar tukaran yang akan disebut atau ditentukan oleh Bank.
- 2.5 Cukai, Cukai Perkhidmatan dan lain-lain cukai, levi dan duti: Saya/Kami mengesahkan bahawa saya/kami akan menanggung segala cukai, cukai perkhidmatan dan segala cukai, levi dan duti lain yang boleh dicalai atau dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa (di dalam dan luar Malaysia) yang disebabkan atau menurut sebarang transaksi atau Akaun Dagangan atau merujuk kepada sebarang jumlah wang yang perlu dibayar kepada atau diterima atau belum diterima oleh Bank atau sebarang perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank.
- 2.6 Penahanan: Segala bayaran akan dibuat kepada Bank dengan dana yang sudah tersedia dan sudah dijelaskan yang boleh dipindahkan secara bebas, tanpa imbalan, tuntutan balas atau potongan lain atau penahanan dalam apa bentuk sekalipun dan akan tersedia bebas dan dijelaskan daripada dan tanpa pemotongan bagi sebarang cukai pada ketika ini dan pada masa akan datang. Sekiranya sebarang potongan atau penahanan diperlukan, saya/kami akan membayar amaun tambahan tersebut sebagaimana yang perlu untuk memastikan bahawa Bank menerima amaun penuh yang sepatutnya diterima sekiranya potongan atau penahanan tersebut tidak diperlukan. Tarikh penerimaan sebarang bayaran adalah tarikh di mana sebarang instrumen bayaran dijelaskan dan bayaran penuh telah diterima.
- 2.7 Penyelesaian dan Bayaran:
Saya/Kami bersetuju dan berjanji:
- (a) Untuk membuat segala pembayaran dalam tempoh penyelesaian sebagaimana yang ditetapkan oleh bursa tertentu yang berkaitan di mana transaksi dilaksanakan dan/atau keperluan yang berkaitan.
 - (b) Semasa cuti umum di Malaysia, saya/kami bersetuju dan berjanji untuk membuat pembayaran satu hari sebelum tempoh penyelesaian yang ditetapkan berkenaan dengan dagangan saham asing bagi sebarang kontrak pembelian yang belum selesai dan mengakui bahawa bayaran bagi kontrak jualan hanya boleh dibuat kepada saya/kami seawal-awalnya pada hari bekerja yang pertama selepas cuti umum.
 - (c) Bank berhak menurut budi bicara untuk mengimbangi sebarang pembelian yang belum lunas bagi dagangan saham asing sebelum dagangan di Bursa Malaysia Securities.
 - (d) Semua transaksi kewangan di antara saya/kami dan Bank, walaupun merujuk kepada dagangan saham asing, akan dilaksanakan dalam Ringgit Malaysia (RM) atau matawang lain seumpamanya yang boleh diterima oleh Bank dan sekiranya perlu, sebarang pertukaran matawang adalah pada kadar tukaran sebagaimana yang disebut atau diputuskan oleh Bank.
- 2.8 Bayaran kepada Wakil Peniaga: Saya/Kami mengakui bahawa Wakil Peniaga tidak mempunyai kuasa untuk mengutip sebarang bayaran bagi pihak Bank dan bahawa sebarang wang yang diberi kepada Wakil Peniaga oleh saya/kami (walaupun dalam bentuk cek atau perintah juruwang yang dibuat atas nama Bank) adalah atas risiko saya/kami sendiri dan Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam hal ini.

3. WARANTI AM, PERWAKILAN DAN AKU JANJI

- 3.1 Saya/Kami dengan ini menjamin, mewakili dan mengaku janji kepada Bank (atas dasar berterusan dan di mana perwakilan dan jaminan adalah dianggap sebagai diulangi pada setiap kali arahan dikeluarkan oleh saya/kami dan perwakilan, jaminan dan aku janji tersebut akan berterusan sehingga apa-apa transaksi yang dipertimbangkan di sini selesai dan/atau penamatan Akaun Dagangan tersebut) bahawa:
- (i) saya/kami mempunyai kuasa dan keupayaan untuk membuat, melaksanakan, menyampaikan dan menjalankan obligasi saya/kami di bawah Terma dan Syarat ini;
 - (ii) tiada prosiding kebangkrutan atau penggulungan telah dilaksanakan terhadap saya/kami;
 - (iii) saya/kami tidak tersenarai sebagai pingskar oleh Bursa Malaysia Securities atau mana-mana penguasa yang berkaitan atau agensi kredit;
 - (iv) segala butiran dan maklumat yang diberikan kepada Bank adalah benar, betul dan lengkap dan akan tetap benar, betul dan lengkap;
 - (v) saya/kami tidak menyembunyikan dan tidak akan menyembunyikan apa-apa fakta material atau maklumat daripada Bank dan akan memberikan kepada Bank perubahan maklumat tambahan dan/atau material sebagaimana yang diperlukan oleh Bank pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa;
 - (vi) tiada Kejadian Keingkaran telah berlaku atau sedang berterusan atau akan berlaku yang disebabkan oleh saya/kami menerima Terma dan Syarat ini;
 - (vii) saya/kami adalah pemilik benefisial Sekuriti yang diletakkan atau akan diletakkan dengan Bank, ejen atau penama atau diberi kuasa oleh pemilik sebenar untuk menjalankan urusan niaga dengan Sekuriti tersebut dan bahawa Sekuriti tersebut sudah dijelaskan bayaran sepenuhnya;

Permulaan

TERMS & CONDITIONS

- (viii) saya/kami mempunyai hak milik sah Sekuriti dan boleh menjualnya melalui Bank dan berjanji untuk menyerahkan dengan segera kepada Bank dokumen hak milik bagi Sekuriti yang dijual oleh saya/kami atau bagi pihak saya/kami; dan
- (ix) penggunaan wang yang dibayar kepada Bank atau yang digunakan dalam pembelian Sekuriti tersebut oleh saya/kami tidak melanggar sebarang undang-undang Malaysia.
- (x) saya/kami berjanji untuk menyelesaikan dengan segera segala wang yang perlu dibayar bagi kerugian kontra atau wang lain walau bagaimanapun ia terhutang di bawah Akaun Dagangan saya/kami dan/atau kepada Bank (termasuklah tetapi tidak terhad kepada segala pembrokeran, faedah dan caj yang berkaitan dengan transaksi bagi Akaun Dagangan tersebut dan termasuklah fi guaman (atas dasar peguam-klien) dan (tanpa prejudis terhadap mana-mana hak dan kuasa Bank). Saya/Kami memberi kuasa kepada Bank untuk menggunakan sebarang keuntungan/perolehan kontra atau hasil daripada sebarang jualan atau wang yang perlu dibayar kepada saya/kami untuk mengimbangi liabiliti saya/kami dengan Bank.

4. PEMBERIAN KUASA KEPADA BANK

4.1 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa:

- (i) Bank diberi kuasa untuk mendedahkan kepada Broker Saham (sekiranya ada) maklumat mengenai saya/kami dan Akaun Dagangan tersebut;
- (ii) Bank berhak untuk menganggap bahawa sebarang permintaan bayaran dan lain-lain notis dan/atau arahan yang diterima olehnya sama ada daripada saya/kami atau Broker Saham adalah benar dan tidak berkewajipan untuk membuat pertanyaan untuk memastikan bahawa arahan tersebut adalah benar atau untuk menanyakan tujuan sebarang bayaran diminta oleh Broker Saham (sekiranya ada) dan Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi sebarang pengeluaran/pendebitan atau sebaliknya yang dibuat oleh Bank merujuk kepada notis dan/atau arahan tersebut; dan
- (iii) Bank, Broker Saham (sekiranya ada), dan kakitangan dan ejen mereka tidak menampilkan diri mereka sebagai penasihat pelaburan. Segala arahan jualan dan belian saya/kami adalah keputusan bebas saya/kami sendiri. Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian yang disebabkan oleh kegiatan dagangan saya/kami atau disebabkan atau daripada sebarang tindakan atau ketinggalan Broker Saham, ejen dan kakitangannya atau lain-lain individu yang bekerja dengan Bank atau Broker Saham dalam jualan dan belian Sekuriti.

4.2 Kuasa untuk Menjual atau Membeli: Saya/Kami memberi kuasa kepada Bank untuk menjual atau membeli Sekuriti tersebut sebagaimana yang diperlukan untuk menyelesaikan tunggakan saya/kami dengan Bank dan saya/kami berjanji untuk menanggung rugi Bank terhadap sebarang dan segala kerugian sekiranya saya/kami gagal untuk mematuhi keperluan yang terdapat dalam Klausa 1.6 (Deposit Sekuriti), dan 3. (Waranti Am, Perwakilan dan Aku Janji) dan/atau sebarang peruntukan yang berkenaan.

4.3 Kuasa untuk Menjalankan Urus Niaga dengan Sekuriti: Tanpa prejudis terhadap mana-mana peruntukan lain di sini, saya/kami selanjutnya memberi kuasa kepada Bank untuk menjalankan urus niaga dengan Sekuriti yang dibeli untuk saya/kami atau bagi pihak saya/kami (sama ada dalam mana-mana akaun atau tidak) yang mana saya/kami belum menjelaskan bayaran melalui sebarang cara yang dianggap wajar oleh Bank. Amaun yang diperolehi menerusi tindakan ini akan digunakan terhadap liabiliti saya/kami mengikut turutan kepentingan sebagaimana yang ditentukan oleh Bank menurut budi bicara. Saya/Kami selanjutnya memberi kuasa kepada Bank untuk menahan dan/atau menjalankan urus niaga sebagaimana yang dianggap wajar oleh Bank bagi keseluruhan atau manamana Sekuriti yang dibeli dan dibayar oleh saya/kami dalam Akaun Dagangan atau akaun saya/kami yang lain sehingga penyelesaian sepenuhnya dan yang terakhir bagi sebarang dan/atau segala kerugian dalam Akaun Dagangan atau akaun saya/kami yang lain. Bank dengan ini diberi kuasa untuk melaporkan hutang tertunggak dan/atau akaun yang dipertikaikan yang terhutang kepada Bank kepada mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan, termasuklah sebarang perincian yang bersangkut-paut sebagaimana yang diperlukan.

4.4 Kebenaran kepada Bursa Depository: Saya/Kami bersetuju dan memberi kebenaran kepada pendedahan oleh Bursa Malaysia Depository kepada Bank, dan kepada ejen, penyedia perkhidmatan dan subkontraktor Bank sebagaimana yang diberitahu oleh Bank kepada Bursa Malaysia Depository, mengenai maklumat atau dokumen yang berkaitan dengan hal ehwal saya/kami dan khususnya yang berkaitan dengan Akaun Dagangan saya/kami. Kebenaran ini adalah sah sehingga ditarik balik oleh saya/kami dan saya/kami membebaskan Bursa Malaysia Depository dari sebarang kerugian atau liabiliti yang timbul daripada atau berkenaan dengan kebenaran ini.

4.5 Kuasa untuk memeriksa Akaun CDS dan mendedahkan kepada Wakil Peniaga saya/kami: Saya/Kami bersetuju bahawa sebagai ADA bagi Bursa Malaysia Depository, AIBB dengan ini diberi kuasa yang tidak boleh ditarik balik:

- (i) untuk membuat pertanyaan dan/atau untuk meminta dan menerima penyata ad-hoc bagi akaun yang berkenaan dengan Akaun CDS saya/kami yang diselenggara dengan Bank sebagaimana dan bila dianggap wajar dan/atau perlu oleh Bank menurut budi bicara Bank; dan
- (ii) untuk mendedahkan kepada Wakil Peniaga saya/kami (yang sama ada pada ketika ini atau pada masa akan datang dilantik oleh saya/kami), maklumat berkaitan Akaun Dagangan saya/kami dan/atau akaun dengan Bank (termasuk lain-lain entiti dalam kumpulan) dan butiran transaksi yang dijalankan oleh saya/kami serta pegangan saham yang dipegang secara benefisial atau dimiliki oleh saya/kami (termasuklah tetapi tidak terhad kepada melihat, membuat pertanyaan baki dan/atau meminta dan menerima penyata akaun).

4.6 Akaun Penyelesaian yang Ditetapkan

- (i) Bank dengan ini diberi kuasa untuk membuka akaun semasa atas nama saya/kami dengan ABMB (atau mana-mana bank yang akan diputuskan oleh Bank menurut budi bicara), sebagai akaun amanah pelanggan/akaun penyelesaian ("Akaun Penyelesaian yang Ditetapkan") untuk pendebitan dan pengkreditan kesemua wang yang berkaitan dengan segala urus niaga saya/kami dengan Bank, termasuklah dan tidak terhad kepada transaksi dagangan saya/kami, akaun dagangan dan sebarang transaksi dan/atau akaun lain dengan Bank. Akaun Penyelesaian yang Ditetapkan tersebut hanya akan dikendalikan oleh Bank dan/atau wakil peniaga yang dilantik untuk mengendalikan akaun saya/kami dan/atau transaksi dari semasa ke semasa dan saya/ kami dengan ini membenarkan Bank dan wakil peniaga untuk mengendalikan Akaun Penyelesaian yang Ditetapkan hanya untuk tujuan di atas dan saya/kami juga membenarkan Bank untuk menutup Akaun Penyelesaian yang Ditetapkan tersebut sekiranya dianggap wajar oleh Bank, dan sekiranya perlu, saya/kami akan melaksanakan segala kebenaran, arahan, surat tanggung rugi, borang-borang dan/atau dokumen kepada bank tersebut untuk memudahkan pembukaan, pengendalian dan penutupan Akaun Penyelesaian yang Ditetapkan.
- (ii) Untuk mengelakkan keraguan, saya/kami dengan ini mengesahkan bahawa Bank dan wakil peniaga adalah berhak untuk mengetepikan wang dalam Akaun Penyelesaian yang Ditetapkan dan/atau untuk mendebit wang dari Akaun Penyelesaian yang Ditetapkan dan/atau untuk menggunakan wang tersebut untuk menyelesaikan sebarang amaun yang terhutang oleh saya/kami kepada Bank atau yang mungkin menjadi terhutang oleh saya/kami kepada Bank dari semasa ke semasa. Merujuk kepada di atas, Bank dan wakil peniaga dengan ini diberi kebenaran oleh saya/kami untuk memberi arahan, permintaan dan pemberitahuan kepada Bank untuk memudahkan dan/atau melaksanakan perkara di atas. Saya/Kami selanjutnya mengesahkan bahawa saya/kami memahami dan menyedari bahawa sekiranya berlaku mana-mana kejadian tersebut, saya/kami hanya mempunyai hak ke atas baki wang yang tinggal selepas penyelesaian sepenuhnya segala wang yang terhutang kepada Bank dan/atau segala wang yang mungkin kemudiannya akan genap masa dan perlu dibayar kepada Bank (termasuklah tetapi tidak terhad kepada sebarang liabiliti kontingen). Sebagai tambahan, saya/kami dengan ini membenarkan Bank dan wakil peniaga untuk mendedahkan di kalangan mereka maklumat berhubung akaun saya/kami dan/atau transaksi untuk memudahkan dan/ atau membolehkan perkara di atas.
- (iii) Kebenaran dan pengesahan yang terkandung di sini akan mengikat waris, pengganti jawatan, wakil peribadi, pemegang serah hak yang dibenarkan, wasi, pentadbir, penerima dan pemegang amanah dalam kemufisan dan harta.

TERMS & CONDITIONS

5. KUASA BANK

- 5.1 Hak untuk Menolak Permohonan: Saya/Kami bersetuju bahawa permohonan saya/kami yang terkandung di sini adalah tertakluk kepada kelulusan Bank dan Bank berhak untuk menolak permohonan saya/kami atau mengenakan syarat dan/atau sekatan tertentu sebagaimana yang dianggap wajar oleh Bank tanpa memberikan sebarang sebab untuknya.
- 5.2 Hak untuk Tidak Melaksanakan: Saya/Kami bersetuju bahawa Bank mempunyai hak pada bila-bila masa untuk tidak melaksanakan sebarang pesanan yang dibuat oleh saya/kami atau menhadkan pembelian atau jualan yang dipesan oleh saya/kami.
- 5.3 Hak untuk Menggantung atau Menutup Akaun: Saya/Kami bersetuju bahawa Bank boleh pada bila-bila masa menurut budi bicara mengenakan sekatan kepada atau menggantung atau menutup Akaun Dagangan tanpa memberi sebarang sebab untuknya.
- 5.4 Hak untuk Mendebit/Mengkredit Akaun: Sebagai tambahan dan tanpa prejudis kepada mana-mana yang di atas, saya/kami dengan jelas, tidak bersetuju dan tidak boleh ditarik balik memberi kuasa kepada Bank:
- (i) untuk mendebit akaun saya/kami dengan Bank, termasuklah tetapi tidak terhad kepada Akaun Dagangan saya/kami atau Akaun Penyelesaian yang Ditetapkan, dengan semua atau sebarang amaun yang perlu dibayar atau terhutang daripada saya/kami sama ada disebabkan oleh atau berhubung Sekuriti yang dibeli oleh saya/kami dan/atau kerugian kontra yang ditanggung oleh saya/kami dan segala wang yang perlu dibayar oleh saya/kami kepada Bank dari semasa ke semasa walau bagaimanapun ia timbul (dan termasuklah untuk liabiliti masa akan datang dan kontingen);
 - (ii) Untuk mengkredit akaun saya/kami dengan Bank, termasuklah tetapi tidak terhad kepada Akaun Dagangan saya/kami atau Akaun Penyelesaian yang Ditetapkan dengan kesemua hasil jualan dan segala dividen yang diterima oleh Bank berhubung Sekuriti saya/kami.
- 5.5 Bayaran kepada saya/kami: Saya/Kami bersetuju bahawa Bank akan membuat pembayaran kepada saya/kami menerusi kaedah yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat ini atau melalui apa-apa cara sebagaimana yang ditetapkan oleh saya/kami dari semasa ke semasa. Di samping itu, Bank mempunyai hak untuk menentukan sama ada faedah akan dibayar kepada saya/kami bagi bayaran tersebut dan/atau sama ada untuk menahan bayaran tersebut sementara menunggu penyelesaian amaun yang perlu dibayar atau terhutang oleh saya/kami kepada Bank dan/atau ejennya atau sama ada untuk menolak amaun tersebut dari bayaran yang akan dibuat kepada saya/kami.
- 5.6 Had Harga Tertinggi: Saya/Kami bersetuju bahawa Bank akan mengenakan had harga tertinggi (harga tetap) ke atas sebarang Sekuriti pada bila-bila masa bagi tujuan pengiraan had dagangan dan/atau sebarang komponennya;
- 5.7 Had dagangan: Bank berhak di mana had dagangan diberikan,
- (i) untuk mengubah penilaiannya bagi Lien/Sekuriti Sandaran dari semasa ke semasa; dan
 - (ii) meminta sekuriti tambahan dan/atau gantian atau menarik balik Akaun Dagangan tersebut sekiranya pada bila-bila masa Bank menganggap sekuriti yang diberikan adalah tidak mencukupi.
- 5.8 Menyekat/menolak belian/jualan: Saya/Kami bersetuju bahawa Bank boleh menyekat/menolak belian/jualan mana-mana Sekuriti tertentu atau jumlah Sekuriti yang boleh dibeli/dijual.
- 5.9 Saya/Kami bersetuju bahawa sekiranya berlaku kematian saya/kami atau saya/kami menjadi tidak siaman, Bank mempunyai hak untuk menjual secara paksa dan/atau mencairkan Sekuriti dan mengimbangi sebarang amaun yang terhutang kepada Bank dengan serta-merta atau pada bila-bila masa selepas ini berdasarkan lien kolateral/sandaran dalam akaun.

6. LIEN

- 6.1 Lien: Saya/Kami bersetuju bahawa Bank mempunyai lien ke atas semua yang berikut bagi segala kerugian yang ditanggung oleh saya/ kami dari semasa ke semasa di bawah Akaun Dagangan dan segala wang lain dalam apa juga jenis atau sifat dari semasa ke semasa selepas ini walau bagaimana pun ia genap masa (sebenar atau kontingen) atau tertunggak atau terhutang atau perlu dibayar oleh saya/kami kepada Bank (termasuklah tetapi tidak terhad kepada segala kerugian dari semasa ke semasa yang ditanggung oleh saya/kami di bawah salah satu atau lebih lain-lain akaun saya/kami dengan Bank):-
- (i) segala syer dan sekuriti lain (termasuklah tetapi tidak terhad kepada Sekuriti) dari semasa ke semasa yang disimpan atau dikreditkan dalam Akaun CDS saya/kami berhubung dengan atau bagi tujuan Akaun Dagangan saya/kami;
 - (ii) segala syer dan sekuriti lain yang dari semasa ke semasa disimpan atau dikreditkan ke dalam semua akaun CDS yang lain pada masa ini dan dari semasa ke semasa selepas ini dibuka oleh saya/kami dengan Bank sebagai ADA; dan
 - (iii) semua wang yang pada masa ini dan selepas ini adalah baki kredit saya/kami dengan Bank di bawah Akaun Dagangan saya/kami serta segala wang pada ketika ini dan selepas ini dari semasa ke semasa yang merupakan baki kredit saya/kami dengan Bank di bawah semua akaun saya/kami yang lain dengan Bank dari semasa ke semasa.
- 6.2 Hak Bank untuk melupuskan Sekuriti: Saya/Kami bersetuju bahawa Bank mempunyai hak, dan dengan ini diberi kuasa yang tidak boleh ditarik balik, dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa, tertakluk kepada pemberian notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari pasaran kepada saya/kami terlebih dahulu mengenai niatnya untuk menjual atau melupuskan Sekuriti saya/kami, untuk menjual, memindahkan, menyerahkan hak atau sebaliknya melupuskan kesemua atau mana-mana Sekuriti saya/kami pada masa atau masa-masa tersebut, pada harga tersebut dan dengan cara sebagaimana yang dianggap wajar oleh Bank menurut budi bicaranya dan untuk menggunakan hasil jualan, pemindahan, penyerahan hak atau pelupusan (selepas ditolak daripadanya segala kos dan perbelanjaan yang ditanggung bagi jualan, pemindahan, penyerahan hak atau pelupusan) untuk menyelesaikan kerugian yang ditanggung oleh saya/kami dari semasa ke semasa atau pada bila-bila masa di bawah Akaun Dagangan tersebut atau mana-mana akaun dan/atau sebarang wang lain dari semasa ke semasa selepas ini yang telah genap masa atau terhutang atau perlu dibayar oleh saya/kami kepada Bank. Untuk mengelakkan keraguan, Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau tuntutan yang timbul daripada (sama ada secara langsung atau tidak langsung) tindakan tersebut.
- 6.3 Hak untuk mengimbangi: Saya/Kami bersetuju bahawa Bank juga berhak, dan dengan ini diberi kuasa yang tidak boleh ditarik balik, dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa, tanpa sebarang notis terlebih dahulu atau notis selanjutnya kepada saya/kami, untuk menggabungkan dan menyatukan kesemua akaun dan mengimbangi seluruh atau sebahagian atau beberapa bahagian daripada kerugian tersebut dari semasa ke semasa yang ditanggung oleh saya/kami di bawah Akaun Dagangan saya/kami atau mana-mana akaun lain dan/atau apa juga wang lain dari semasa ke semasa selepas ini yang perlu dibayar atau terhutang oleh saya/kami kepada Bank terhadap wang tersebut yang pada ketika ini atau kemudiannya adalah baki kredit saya/kami dengan Bank (sama ada di bawah Akaun Dagangan ini atau di bawah mana-mana akaun lain yang mungkin ada dari semasa ke semasa dengan Bank) dan sebarang wang lain yang dipegang dengan pesanan saya/kami oleh Bank (sama ada diletakkan dalam akaun amanah/akaun penyelesaian atau tidak).
- 6.4 Hak untuk menahan Sekuriti dan wang: Saya/Kami bersetuju bahawa Bank mempunyai hak selagi adanya sebarang wang yang tertunggak atau terhutang atau perlu dibayar oleh saya/kami kepada Bank di bawah Akaun Dagangan atau mana-mana akaun lain dengan Bank atau merujuk kepada atau berhubung dengan mana-mana transaksi atau kontrak yang dikuatkuasakan atau dilaksanakan oleh Bank untuk saya/kami atau bagi pihak saya/kami atau terdapat baki debit dalam Akaun Dagangan saya/kami atau akaun lain dengan Bank, untuk menyekat, menahan atau tidak membenarkan pemindahan atau pengeluaran oleh saya/kami keseluruhan atau mana-mana syer dan lain-lain Sekuriti dan/atau keseluruhan atau mana-mana bahagian wang di mana Bank mempunyai lien sebagaimana yang telah dinyatakan.

TERMS & CONDITIONS

- 6.5 Tiada bebanan: Saya/Kami bersetuju dan berjanji dengan Bank bahawa selagi terdapat apa-apa wang yang tertunggak atau terhutang atau perlu dibayar oleh saya/kami kepada Bank di bawah Akaun Dagangan atau mana-mana akaun lain dengan Bank atau merujuk kepada atau berhubung dengan mana-mana transaksi atau kontrak sekalipun yang dibuat atau dilaksanakan oleh Bank untuk saya/ kami atau bagi pihak saya/kami atau terdapat baki debit dalam Akaun Dagangan saya/kami atau mana-mana akaun lain dengan Bank, saya/kami tidak akan menyandarkan, caj, menyerahkan hak, menggadai atau sebaliknya mewujudkan atau membenarkan timbulnya sebarang bebanan, faedah sekuriti atau sebarang faedah atau tuntutan terhadap syer dan lain-lain sekuriti dan wang yang mana Bank mempunyai atau berhak untuk mendapat lien sebagaimana yang telah dinyatakan.
- 6.6 Tiada obligasi: Saya/Kami bersetuju bahawa, walaupun terdapat percanggahan yang dinyatakan dengan jelas atau tersirat oleh Perjanjian ini atau mana-mana dokumen lain atau oleh undang-undang atau sebaliknya, Bank tiada obligasi untuk melaksanakan haknya di bawah Klausula 6.2 (hak Bank untuk melupuskan Sekuriti) dan Klausula 6.3 (Hak untuk mengimbangi) di atas, di mana hak tersebut adalah sebagai tambahan dan tanpa prejudis kepada lain-lain hak, kuasa dan remedi Bank, di bawah atau merujuk kepada atau berkenaan dengan Perjanjian ini dan semua hak, kuasa dan remedi di mana Bank dari semasa ke semasa atau pada bila-bila masa adalah sebaliknya berhak (sama ada menerusi undang-undang, kontrak atau sebaliknya).
- 6.7 Kontingen atau liabiliti pada masa akan datang: Saya/Kami bersetuju bahawa setakat sebarang liabiliti kepada Bank adalah kontingen atau liabiliti pada masa akan datang, liabiliti Bank terhadap saya/kami mengenai jumlah baki kredit mana-mana akaun saya/kami dan semua bayaran lain daripada Bank yang telah genap masa adalah untuk menampung liabiliti tersebut setakat yang perlu, digantung, sehingga berlakunya kontingen atau kejadian pada masa akan datang dan jumlah tersebut digunakan untuk menyelesaikan liabiliti tersebut menurut budi bicara Bank.
- 6.8 Pencairan ketika Kejadian Keingkar: Saya/Kami bersetuju bahawa sekiranya berlaku keingkar atau terdapat ancaman keingkar terhadap saya/kami, saya/kami memberi kuasa kepada Bank, bersertakan notis terlebih dahulu kepada saya/kami, untuk memperoleh dan mencairkan mana-mana Sekuriti dan wang dalam Klausula 6.1 (Lien) di atas, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan atau keperluan peraturan dan/atau untuk mengimbangi yang tersebut (dan/atau hasil jualannya) untuk menyelesaikan liabiliti (sama ada keseluruhan atau sebahagian).

7. SANDARAN SEKURITI (UNTUK PENAMA AKAUN CDS SAHAJA)

- 7.1 Sekiranya Had Dagangan diberikan, keseluruhan Sekuriti yang dipegang bagi pihak saya/kami di bawah Akaun Dagangan, sama ada dibeli sebelum atau selepas Had Dagangan diberikan ("Sekuriti Sandaran"), akan dicaj kepada Bank sebagai ejen jaminan baginya dan Broker Saham sebagai jaminan berterusan bagi bayaran atau pengeluaran keseluruhan wang, obligasi dan liabiliti sama ada prinsipal, faedah atau sebaliknya yang pada ketika ini atau pada bila-bila masa selepas ini akan genap masa, terhutang atau ditanggung oleh anda kepada Bank dan/atau Broker Saham. Bagi tujuan tersebut, keseluruhan Sekuriti Sandaran akan dipegang dalam akaun sekuriti Bank.
- 7.2 Bank mempunyai hak dan kuasa dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa untuk menjual atau sebaliknya melupuskan keseluruhan atau mana-mana daripada Sekuriti Sandaran pada masa atau masa-masa tersebut, pada harga tersebut dan dengan cara sebagaimana yang dianggap wajar oleh Bank dan/atau Broker Saham dan menggunakan hasil dari Sekuriti Sandaran selepas ditolak segala kos dan perbelanjaan yang ditanggung bagi jualan atau pelupusan tersebut untuk mengurangkan sebarang amaun tertunggak yang perlu dibayar oleh anda kepada Bank dan/atau Broker Saham sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Bank menurut budi bicara tanpa dipertanggungjawabkan kepada anda bagi sebarang kerugian yang ditanggung atau penyusutan nilai Sekuriti.
- 7.3 Bank berhak pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa untuk meminta saya/kami untuk menyediakan sekuriti tambahan dan/atau untuk menggantikan sebarang sekuriti sedia ada. Segala kos yang berkenaan akan ditanggung oleh saya/kami.
- 7.4 Bank berhak untuk membenarkan pengeluaran mana-mana bahagian Sekuriti dalam Akaun Dagangan tertakluk kepada terma-terma berikut:
- dalam kes Sekuriti Sandaran, dengan kelulusan bertulis dari Bank terlebih dahulu, notis diberi terlebih dahulu kepada Bank tiga (3) hari perniagaan sebelumnya;
 - pengeluaran tersebut tidak akan melanggar mana-mana terma dan syarat yang mentadbir Akaun Dagangan; dan
 - bayaran fi yang ditetapkan oleh Bank dan/atau Bursa Malaysia Depository dari semasa ke semasa yang berkenaan dan selanjutnya untuk menanggung segala kos pengeluaran tersebut. Untuk mengelakkan keraguan, Sekuriti yang dikeluarkan dari Akaun Dagangan tidak boleh diurusniagakan di bawah Akaun Dagangan tersebut.

8. JAMINAN

- 8.1 Sekiranya kami adalah sebuah syarikat, Bank boleh meminta Jaminan Bersama dan Berasingan daripada semua pengarah kami ("Jaminan") untuk menjamin bayaran bagi seluruh jumlah yang terhutang dari semasa ke semasa oleh saya/kami di bawah Akaun Dagangan tersebut.
- 8.2 Bank mempunyai kuasa (dengan notis) untuk menggunakan sebarang baki kredit (sama ada telah genap masa atau tidak) yang pada bila-bila masa dipegang oleh Bank di mana-mana pejabat Bank di bawah sebarang jenis akaun sama ada atas nama anda sahaja atau dipegang secara bersama dengan individu lain untuk menyelesaikan keseluruhan atau mana-mana jumlah wang, obligasi dan liabiliti yang pada ketika ini atau pada bila-bila masa akan datang mungkin genap masa, terhutang atau kontingen di bawah Akaun Dagangan tersebut.

9. PERUNTUKAN TAMBAHAN BERHUBUNG DAGANGAN SAHAM ASING

- 9.1 Keperluan Asing yang Berkaitan:
Sekiranya bursa yang berkenaan adalah di luar negara:-
- Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa Bank boleh, sekiranya ia memutuskannya, untuk menugaskan pelaksanaan pesanan/ arahan saya/kami kepada broker yang sepadan atau ejen lain atau penjaga yang dipilih oleh Bank (kesemuanya akan dirujuk di sini sebagai "Ejen Asing"); dan
 - Sekiranya terjadi sebarang konflik di antara keperluan asing yang berkaitan dan Terma dan Syarat yang terkandung di sini, maka terma dan syarat yang terkandung di sini akan diubahsuai dan/atau digantikan hanya setakat yang perlu untuk mengurangkan konflik tersebut, tetapi ia akan terus berkuatkuasa sepenuhnya dalam hal-hal lain; dan
 - Saya/Kami dengan ini memberi kuasa yang tidak boleh ditarik balik kepada Bank dan/atau Ejen Asingnya untuk mengambil sebarang tindakan (termasuklah dan tidak terhad kepada pendedahan maklumat) atau menahan dari mengambil sebarang tindakan sebagaimana yang dianggap sesuai bagi tujuan pematuhan terhadap keperluan asing yang berkaitan, dan Bank atau Ejen Asing atau mana-mana pegawai, pengarah atau kakitangannya tidak akan menanggung akibatnya.

TERMS & CONDITIONS

- 9.2 Bursa asing: Sekiranya terdapat transaksi yang melibatkan pasaran asing atau bursa asing, saya/kami bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang turun naik matawang yang disebabkan oleh dagangan saham asing. Saya/Kami mengakui dan bersetuju bahawa terdapat risiko yang dikaitkan dengan urus niaga berbilang pasaran dan saya/kami selanjutnya mengesahkan bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab atas keputusan yang dibuat oleh saya/kami untuk menjalankan dagangan syer di pasaran atau bursa asing.
- 9.3 Hari Dagangan atau Waktu Dagangan:
- (a) Saya/Kami mengakui bahawa keupayaan saya/kami untuk melaksanakan dagangan saham asing mungkin terhad kepada hari dan/atau waktu apabila Bursa Malaysia Securities dibuka untuk dagangan. Ini bermakna saya/kami mungkin tidak dapat menjalankan dagangan saham asing semasa Bursa Malaysia ditutup untuk dagangan walaupun bursa berkaitan di mana saya/ kami ingin menjalankan dagangan mungkin dibuka untuk dagangan. Bank, menurut budi bicara (tetapi tiada obligasi baginya), tertakluk kepada keperluan yang berkaitan, boleh menambah hari dagangan dan/atau waktu dagangan Bank dari semasa ke semasa. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian, tuntutan, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh saya/kami atau kehilangan keuntungan atau faedah oleh saya/kami, yang timbul daripada hari dagangan dan/atau waktu dagangan Bank yang terhad dan ketidakupayaan saya/kami untuk menjalankan dagangan saham asing semasa Bank tidak dibuka untuk dagangan walaupun bursa asing yang berkaitan mungkin dibuka untuk dagangan.
- (b) Sebagai tambahan, saya/kami mengakui bahawa sekiranya saya/kami berhasrat untuk membuat pesanan/arahan semasa bursa asing yang berkaitan dibuka untuk dagangan tetapi di luar hari dagangan dan/atau waktu dagangan Bank, saya/kami mungkin tidak dapat menempah/membuat pesanan atau arahan atau berkomunikasi dengan Bank atau Wakil Peniaga saya/kami atau mungkin terdapat kelewatan sebelum Bank atau Wakil Peniaga saya/kami dapat mengakses arahan pesanan atau komunikasi saya/kami dan memproses pesanan atau arahan atau komunikasi saya/kami dan melaksanakan dagangan tersebut, yang menyebabkan kemungkinan saya/kami menanggung kerugian atau kerosakan. Saya/Kami bersetuju bahawa Bank dan Ejen Asingnya tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan tersebut (sama ada secara langsung atau tidak langsung) atau kehilangan keuntungan atau faedah oleh saya/kami.
- (c) Saya/Kami mengakui bahawa saya/kami sedar bahawa dagangan saham asing hanya boleh dilaksanakan semasa waktu dagangan yang ditadbir oleh peraturan semasa Bursa Malaysia Securities dan bahawa mungkin terdapat kelewatan berkenaan sebut harga saham dan pelaksanaan pesanan melalui Ejen Asing (contohnya broker koresponden). Saya/Kami bersetuju bahawa Bank atau mana-mana pegawai, ejen (termasuklah Ejen Asing) atau kakitangan tidak akan bertanggungjawab terhadap ketepatan, kelengkapan dan kekinian maklumat yang diberikan kepada saya/kami atau pelaksanaan pesanan dan/atau arahan saya/kami. Saya/Kami selanjutnya bersetuju bahawa Bank atau mana-mana pegawai, ejen (termasuklah Ejen Asing) atau kakitangan tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa keputusan yang dibuat oleh saya/kami atau tindakan yang diambil oleh saya/kami (termasuklah tetapi tidak terhad kepada sebarang pesanan atau arahan oleh saya/kami) yang bergantung kepada maklumat yang diberikan atau atas sebarang kelewatan atau sebarang gangguan mana-mana data atau maklumat kecuali ia disebabkan oleh penipuan, kecuaihan melampau atau keingkaran yang disengajakan oleh Bank.

10. TANGGUNG RUGI DAN LIABILITI

- 10.1 Saya/Kami bersetuju untuk pada setiap masa untuk menanggung rugi Bank sepenuhnya dan melindungi Bank daripada dan terhadap apa-apa juga tindakan, liabiliti, kerugian, kos, caj, perbelanjaan (termasuklah tetapi tidak terhad kepada fi dan kos guaman atas dasar tanggung rugi sepenuhnya), tuntutan, permintaan dan prosiding yang mungkin diambil terhadap atau ditanggung atau dialami oleh Bank secara langsung atau tidak langsung daripada atau kerana atau berhubung dengan atau timbul daripada atau berkaitan dengan Akaun Dagangan saya/kami atau mana-mana akaun lain dengan Bank, termasuklah tetapi tidak terhad kepada sebarang pelanggaran hak harta intelektual dan saya/kami akan membayar dan membayar balik yang tersebut kepada Bank atas permintaan pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa. Hak tanggung rugi yang diberi kepada Bank yang terkandung di sini akan berterusan dan berkuatkuasa sepenuhnya dan akan terus kekal selepas ini walaupun adanya penggantungan, penamatan atau penutupan Akaun Dagangan saya/kami atau salah satu daripada akaun saya/kami dengan Bank dan akan mengikat waris, wakil peribadi, wasi/pentadbir, pengganti jawatan dan/atau pemegang serah hak yang dibenarkan.

11. PENGECUALIAN LIABILITI

- 11.1 Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap:
- (i) sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung atau dialami oleh saya/kami yang disebabkan oleh sebarang tindakan, ketinggalan atau insolvensi mana-mana entiti yang menyediakan depositori, penjelasan dan/atau kemudahan penyelesaian berpusat;
- (ii) sebarang kerugian atau kerosakan (sama ada secara langsung atau tidak langsung) yang timbul daripada sebarang kegagalan untuk menerima atau kelewatan dalam menerima sebarang pesanan, arahan atau komunikasi yang diterbitkan oleh atau bagi pihak saya/kami (kerana sebarang sebab sekalipun) atau kerana sebarang kelewatan, ketinggalan atau gangguan dalam penyampaian sebarang pesanan atau arahan melalui apa-apa peralatan, sistem, rangkaian telekomunikasi atau sebarang cara lain; atau
- (iii) sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung atau dialami oleh saya/kami sekiranya prestasi obligasi Bank diganggu, dilewatkan atau dihalang oleh keadaan, tindakan atau kejadian di luar kawalannya. Ini termasuklah tetapi tidak terhad kepada pertikaian industri, tindakan atau peraturan mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau bursa saham atau kegendalaan, kegagalan atau kepincangan tugas telekomunikasi atau perkhidmatan komputer atau sistem.

12. NOTIS

- 12.1 Saya/Kami bersetuju untuk memberitahu Bank secara bertulis mengenai sebarang perubahan berkenaan alamat, nombor faksimili, alamat mel elektronik dan nombor telefon bimbit saya/kami.
- 12.2 Apa-apa sekalipun yang dihantar oleh Bank kepada saya/kami boleh:
- (i) disampaikan melalui serahan tangan ke alamat saya/kami sebagaimana yang tertera dalam borang permohonan pembukaan akaun atau ke alamat lain yang terakhir yang diketahui oleh Bank;
- (ii) dihantar melalui pos pra-bayar biasa ke alamat saya/kami sebagaimana yang tertera dalam borang permohonan pembukaan akaun atau ke alamat lain yang terakhir yang diketahui oleh Bank;
- (iii) dihantar melalui faksimili ke nombor faksimili saya/kami yang terakhir yang diketahui oleh Bank;
- (iv) dihantar melalui mel elektronik kepada alamat mel elektronik saya/kami yang terakhir yang diketahui oleh Bank;
- (v) dihantar melalui sistem pesanan ringkas (SMS) ke nombor telefon bimbit saya/kami yang terakhir yang diketahui oleh Bank;
- (vi) diberi melalui posting pada laman web Bank; dan
- (vii) diberikan sebagai sisipan dalam sebarang penyata akaun yang dihantar oleh Bank kepada saya/kami
- 12.3 Apa-apa sekalipun yang dihantar oleh Bank kepada saya/kami akan dianggap sebagai sudah diterima oleh saya/kami, iaitu, tanpa mengambil kira sama ada saya/kami telah benar-benar menerima apa-apa juga yang telah dihantar oleh Bank:
- (i) ketika penghantaran di alamat saya/kami, sekiranya penghantaran dibuat secara serahan tangan;
- (ii) empat puluh lapan (48) jam selepas diposkan, sekiranya dihantar melalui pos pra-bayar biasa dan sekiranya saya/kami boleh menunjukkan bahawa apa-apa sahaja yang dihantar oleh Bank telah diposkan secara sepatutnya dan dialamatkan dengan betul kepada Peminjam;

TERMS & CONDITIONS

- (iii) pada masa penghantaran faksimili selesai;
- (iv) pada masa penghantaran mel elektronik selesai;
- (v) pada masa penghantaran sistem pesanan ringkas (SMS) selesai;
- (vi) pada masa posting diletakkan di laman web Bank; dan
- (vii) ketika penyata akaun dianggap sebagai telah diterima oleh saya/kami.

12.4 Hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini tidak akan terjejas oleh sebarang kegagalan di pihak saya/kami untuk memberitahu Bank mengenai apa-apa perubahan pada alamat, nombor faksimili, alamat mel elektronik atau nombor telefon bimbit saya/kami.

12.5 Saya/Kami bersetuju bahawa Bank juga mempunyai hak untuk memberikan sebarang notis kepada saya/kami berkaitan dengan Akaun Dagangan tersebut atau Sekuriti menerusi iklan dalam salah satu daripada akhbar harian dan notis tersebut akan dianggap sebagai telah disampaikan kepada saya/kami pada hari terbitnya iklan di akhbar tanpa mengira sama ada saya/kami telah melihat iklan tersebut.

13. PERUBAHAN PERINCIAN

13.1 Saya/Kami berjanji untuk memberitahu Bank secara bertulis dengan segera sekiranya terdapat apa-apa perubahan mengenai perincian saya/kami yang diberikan di sini.

14. KEJADIAN KEINGKARAN

14.1 Kejadian keingkaran: Bank mempunyai hak untuk mengumumkan kejadian keingkaran sekiranya berlaku atau berterusan salah satu atau lebih kejadian berikut:

- (i) Sekiranya mana-mana perwakilan, waranti, pengisytiharan dan/atau kenyataan yang dibuat oleh saya/kami adalah atau menjadi atau diketahui sebagai tidak betul atau tidak benar dari segi material apabila dibuat atau diulang atau dianggap telah dibuat atau diulang;
- (ii) Sekiranya saya/kami mengaku kepada Bank ketidakupayaan saya/kami atau hasrat saya/kami untuk tidak melaksanakan manamana obligasi saya/kami sebagaimana yang terkandung di bawah atau dalam mana-mana perjanjian yang dibuat dengan Bank dan/atau sebarang pinjaman, debentur, gadai janji atau perjanjian lain dengan mana-mana pihak;
- (iii) Sekiranya mana-mana aset saya/kami dipindahkan atau diperintahkan untuk dipindahkan kepada pemegang amanah oleh penguasa peraturan merujuk kepada mana-mana undang-undang yang mengawal sekuriti atau dirampas, dijadikan harta negara, diekspropriasi atau dilaksanakan pengambilan wajib oleh mana-mana kerajaan atau agensi atau sekiranya distres atau pelaksanaan atau writ rampasan dan jualan atau penahanan dikenakan ke atas atau dikeluarkan terhadap mana-mana sekuriti dan/atau harta saya/kami;
- (iv) Sekiranya saya/kami gagal untuk melaksanakan sebarang kewajipan/obligasi dan/atau aku janji saya/kami seperti yang terkandung di bawah dan tidak memulihkan kegagalan tersebut dalam tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank [dan sekiranya kegagalan tersebut timbul kerana sebarang obligasi tertunggak, kejadian keingkaran akan dianggap sebagai telah berlaku sekiranya keingkaran tersebut tidak dipulihkan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Bank];
- (v) Sekiranya saya/kami gagal untuk mematuhi dan/atau melaksanakan (sama ada menerusi pelaksanaan atau ketinggalan) mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan/atau dalam mana-mana dokumen yang berkaitan dengan dagangan dan/atau Akaun Dagangan dan/atau sekiranya kejadian keingkaran berlaku di bawah dokumen lain;
- (vi) Sekiranya saya/kami atau mana-mana ahli gabungan atau syarikat yang berkaitan mengadakan sebarang pengubahan atau pengaturan dengan atau untuk faedah pemberi kredit saya/kami;
- (vii) Sekiranya sebarang resolusi diluluskan atau petisyen dikemukakan terhadap saya/kami bagi pencairan, penggulangan atau pembubaran atau bagi pelantikan pembubar, penerima, pemegang amanah, pengurus kehakiman atau pegawai yang seumpamanya bagi seluruh atau sebahagian besar aset saya/kami atau sekiranya pelaksanaan atau sebarang bentuk tindakan dikenakan atau diambil terhadap mana-mana aset saya/kami;
- (viii) Sekiranya saya/kami merupakan seseorang individu, sekiranya perintah kebangkrapan dibuat terhadap mana-mana di antara kami atau petisyen kebangkrapan dikemukakan terhadap saya/kami (atau sesiapa di antara kami) dan/atau sekiranya saya/kami (atau sesiapa di antara kami) meninggal dunia atau menjadi tidak siaman;
- (ix) Sekiranya saya/kami, atau mana-mana Pihak Sekuriti, melakukan keingkaran dalam sebarang pinjaman, kemudahan atau pengaturan yang bersamaan dengan mana-mana individu (termasuklah Bank) yang memberikan hak kepada pemberi kredit yang berkenaan (termasuklah Bank) untuk meminta bayaran balik pinjaman, kemudahan atau pengurusan tersebut sebelum tarikh habis tempoh, untuk menarik balik pinjaman, kemudahan atau pengaturan, atau untuk menguatkuasakan sekuriti tersebut bagi pinjaman, kemudahan atau pengaturan tersebut;
- (x) Sekiranya saya/kami, atau mana-mana Pihak Sekuriti, disenaraihitamkan merujuk kepada garis panduan Sistem Maklumat Cek Tak Laku (DCHEQS) atau sebarang garis panduan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank; dan
- (xi) sebarang undang-undang (sama ada sivil atau jenayah), penimbangtaraan atau prosiding pentadbiran atau tindakan dilaksanakan atau diambil terhadap saya/kami yang pada pendapat Bank mungkin mempunyai kesan material yang buruk ke atas Peminjam.

14.2 Akibat: Apabila terjadinya salah satu atau lebih kejadian keingkaran, Bank tidak mempunyai kewajipan untuk melaksanakan sebarang pesanan dan/atau arahan dan/atau transaksi daripada saya/kami dan Bank berhak untuk melaksanakan salah satu atau lebih hak, kuasa dan remedi yang tersedia, termasuklah (tetapi tidak terhad) untuk menjual Sekuriti tersebut dan untuk menggunakan hasilnya untuk menyelesaikan sepenuhnya dan membayar (termasuklah faedah dan caj lewat, yang berkenaan) seluruh jumlah wang yang terhutang oleh saya/kami kepada Bank merujuk kepada Akaun Dagangan tersebut dan/atau akaun dan/atau transaksi.

15. PENAMATAN

15.1 Bank boleh, tanpa memberikan sebarang sebab, menamatkan Akaun Dagangan saya/kami dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kepada saya/kami, di mana Akaun Dagangan tersebut akan dibatalkan dan segala amaun yang perlu dibayar kepada Bank harus dibayar atas permintaan.

16. KEPELBAGAIAN TERMA DAN SYARAT

16.1 Terma dan syarat yang terkandung di sini adalah tertakluk kepada semakan semula Bank dan sebarang perubahan yang seterusnya boleh dibuat menurut budi bicara Bank dan perubahan tersebut akan diberitahu kepada saya/kami dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari.

17. PENDEDAHAN MAKLUMAT

17.1 Saya/Kami memberi kebenaran dan kuasa yang tidak boleh ditarik balik kepada Bank dan pegawai dan kakitangannya untuk mendedahkan dan memberikan semua maklumat mengenai butiran dan hal ehwal (keuangan atau sebaliknya) saya/kami, perincian akaun, hubungan dengan Bank, terma perjanjian dan apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan saya/kami atau perniagaan dan operasi saya/kami kepada kumpulan individu berikut dengan cara dan setakat mana yang dianggap perlu oleh Bank menurut budi bicara:

Permulaan

TERMS & CONDITIONS

- (i) syarikat yang berkait dengan Bank menurut Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 atau mana-mana syarikat sekutu Bank (Bank serta syarikat yang berkait/syarikat sekutu yang tersebut dirujuk secara kolektif sebagai "Kumpulan Alliance Bank") dan pemegang serah hak dan pengganti jawatan mereka. Untuk mengelakkan keraguan, pendedahan kepada Kumpulan Alliance Bank adalah untuk memudahkan operasi, perniagaan, jualan silang dan lain-lain tujuan Bank dan/atau Kumpulan Alliance Bank dengan syarat pendedahan untuk tujuan jualan silang tidak akan dikuatkuasakan sekiranya pendedahan tersebut ditentang oleh saya/kami dengan pemberitahuan secara bertulis kepada Bank;
 - (ii) mana-mana individu bagi atau berhubung dengan sebarang tindakan atau prosiding yang dibuat untuk mendapatkan kembali wang yang telah genap masa dan perlu dibayar oleh saya/kami kepada Bank;
 - (iii) badan-badan kawal selia, agensi kerajaan, penguasa cukai, polis, badan-badan penguatkuasaan undang-undang dan mahkamah, kedua-duanya di dalam dan di luar Malaysia termasuklah yang merujuk kepada Foreign Account Tax Compliance Act of the United States;
 - (iv) bank-bank atau institusi kewangan lain termasuklah Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad (sekiranya boleh diguna pakai) dan sebarang pihak berkuasa lain yang berkaitan sebagaimana yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut, atau pihak berkuasa/agensi seumpamanya yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-Bank dalam Malaysia/Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia;
 - (v) Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat, Sistem Maklumat Cek Tak Laku, biro kredit, agensi pelaporan kredit dan syarikat yang ditubuhkan bagi tujuan mengumpul dan menyediakan maklumat kredit;
 - (vi) akauntan, auditor, peguam, penasihat, perunding dan/atau lain-lain ejen Bank sebagaimana yang perlu untuk pelaksanaan fungsi, tanggungjawab dan obligasi mereka dengan sewajarnya terhadap Bank dan Kumpulan Alliance Bank;
 - (vii) penyedia perkhidmatan, penama, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga Bank yang dilibatkan oleh Bank dan syarikat yang berkaitan atau bersekutu untuk melaksanakan fungsi dan kegiatan Bank;
 - (viii) mana-mana entiti yang dianggap layak oleh Bank dengan mengambil kira kepentingan awam, dakwaan penipuan/pemalsuan/ sebarang jenayah yang didakwa dilakukan menerusi Akaun Dagangan dan/atau oleh saya/kami;
 - (ix) mana-mana pihak luar sebagaimana yang perlu bagi sebarang pelaksanaan korporat/kegiatan usaha wajar yang dijalankan oleh Bank dan/atau Kumpulan Alliance Bank;
 - (x) mana-mana pihak yang mungkin akan menyatakan keinginan untuk memperoleh kepentingan/pegangan saham di Bank/merujuk kepada sebarang cadangan pengatur, penggabungan, pengambilalihan/penstrukturan semula di antara Bank dan pihak tersebut; dan
 - (xi) Mana-mana individu atau entiti lain dengan kebenaran saya/kami terlebih dahulu.
- 17.2 Saya/Kami dengan ini menyetujui pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa Bank, Kumpulan Alliance Bank, pegawai dan kakitangannya tidak akan dipertanggungjawabkan kerana menyediakan maklumat tersebut atau kerana akibat kebergantungan terhadap maklumat yang disediakan mengikut Terma dan Syarat ini.
- 18 MATAWANG AKAUN DAGANGAN**
- 18.1 Semua jumlah wang yang ditawarkan di sini dan yang akan diterima oleh Bank adalah dalam Ringgit Malaysia (RM) atau sebarang matawang lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 19 PERUNTUKAN BAGI AKAUN DAGANGAN BERSAMA**
- 19.1 Sekiranya Akaun Dagangan tersebut ditawarkan kepada lebih daripada seorang individu, liabiliti setiap seorang daripada kami di bawah Akaun Dagangan adalah secara bersama dan berasingan walaupun Akaun CDS diselenggarakan bagi pihak salah seorang daripada kami sahaja. Bank mempunyai kuasa untuk bertindak mengikut arahan daripada salah seorang daripada kami mengenai operasi Akaun Dagangan tersebut. Sekiranya salah seorang daripada kami meninggal dunia, tertakluk kepada hak Bank untuk menjual secara paksa dan mengimbangi seperti yang terkandung di sini, orang yang masih hidup diberi kuasa untuk mengeluarkan sebarang baki kredit dalam Akaun Dagangan.
- 20 SEMAKAN SEMULA**
- 20.1 Akaun Dagangan tersebut adalah tertakluk kepada semakan semula oleh Bank dari semasa ke semasa dan Bank dengan jelas mempunyai hak untuk menamatkan Akaun Dagangan pada bila-bila masa dengan notis menurut budi bicara.
- 21 NASIHAT UNDANG-UNDANG DARIPADA PARTI BEBAS**
- 21.1 Adalah dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat undang-undang daripada parti bebas sebelum memutus untuk mengisi Borang Permohonan dan mana-mana dokumen berkenaan Akaun Dagangan/Kemudahan.
- 22 TERMA DAN SYARAT KEKAL**
- 22.1 Sekiranya terma dan syarat (atau sebarang tambahan padanya) bercanggah dengan mana-mana dokumen lain yang berkaitan dengan Akaun Dagangan, Terma dan Syarat ini (sebagaimana ditambah) akan kekal berkuatkuasa.
- 23 PENGGANTI TERIKAT**
- 23.1 Segala aku janji, perjanjian dan Terma dan Syarat yang terkandung di sini akan mengikat waris, pengganti, wasi, pentadbir dan wakilperibadi saya/kami.
- 24 PELEPASAN**
- 24.1 Tiada kegagalan atau kelewatan pihak Bank dalam melaksanakan atau kehilangan dalam melaksanakan sebarang hak, kuasa, keistimewaan, budi bicara atau remedi yang berlaku kepada Bank di bawah Terma dan Syarat ini apabila terjadinya keingkaran dari pihak saya/kami akan merosakkan mana-mana hak, kuasa, keistimewaan, budi bicara atau remedi atau dianggap sebagai pelepasan baginya atau sebagai tanda bersetuju dengan keingkaran tersebut, atau tindakan oleh Bank merujuk kepada sebarang keingkaran atau sebarang tanda bersetuju dengan keingkaran tersebut akan menjejaskan atau membawa kesan kepada sebarang hak, kuasa, keistimewaan, budi bicara atau remedi Bank berkenaan terhadap sebarang keingkaran lain atau yang seterusnya.
- 25 KEBOLEHASINGAN**
- 25.1 Sekiranya mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung di sini atau mana-mana bahagian daripadanya adalah tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak dapat dikuatkuasakan dalam sebarang cara, kesahan, keundangan dan kebolehatkuasaan terma yang selebihnya tidak akan terjejas atau rosak dalam apa cara pun.
- 26 UNDANG-UNDANG YANG MENTADBIR**
- 26.1 Terma dan syarat yang terkandung di sini adalah ditadbir oleh undang-undang Malaysia dan saya/kami dengan ini bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa mahkamah di Malaysia.